# UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
# (KELANTAN)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
ENCIK RAMLEE BIN AB SALLAM
PELAKON

OLEH:

MOHAMAD SHAHDAN HASHRAF BIN ISMAIL 2022912357
NURIN BALQIS BINTI MAZERI 2021106607

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2023 – OGOS 2023)

# PENGHARGAAN

# PENGHARGAAN

Assalamualaikum,

Pertama sekali, kami ingin mengucapkan terima kasih kepada Allah S.W.T dan utusanNya, Nabi Muhammad S.A.W. kerana berkat-Nya. kami berjaya menyempurnakan tugasan bagi subjek "Oral Documentation (IMR604)" iaitu Projek Sejarah Lisan. Oleh itu, kami ingin mengucapkan terima kasih kepada pensyarah kami Puan Nurulannisa binti Abdullah atas sokongan dan bimbingannya. Bukan itu sahaja, kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada tokoh yang kami temu bual kerana beliau sudi memberi kerjasama yang bagus kepada kami sepanjang proses tersebut dilakukan.

Kemudian, kami ingin mengambil kesempatan ini juga untuk mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan kami dan tidak lupa juga ahli kumpulan kami yang telah banyak membantu dan memberi kami panduan untuk menyelesaikan tugasan ini. Tanpa sokongan mereka, tugasan ini tidak dapat kami disiapkan.

Selain itu, kami juga berterima kasih kepada keluarga kami atas sokongan mereka dalam apa jua yang kami lakukan. Mereka juga banyak membantu kami seperti memberi pendapat atau idea untuk menjayakan tugasan ini. Akhir kata, kami berharap semoga tugasan akan diterima. Kami telah usaha sehabis baik dan penghargaan untuk mencari maklumat dan idea. Semoga usaha kami tidak sia-sia.

Terima kasih.

# ABSTRAK

# ABSTRAK

**Abstrak:** *Temubual ini bertujuan untuk mendalami kehidupan dan kerjaya Encik Ramlee Bin Ab Sallam, seorang artis lagenda dan mantan pelawak terkenal dari Malaysia. Temubual ini dilakukan di Kedai Makan, Kampung Tunjong, Kota Bharu, Kelantan pada 21 Jun 2023 dari jam 3.00 petang hingga 5.30 petang. Hasil temubual ini menunjukkan bahawa Encik Ramlee Bin Ab Sallam memulakan kerjayanya sebagai pelakon lelaki pada akhir 90-an, dan dengan cepat mendapat populariti sebagai seorang pelawak yang berbakat. Beliau berjaya menarik perhatian penonton dengan gaya lawaknya yang unik dan sentiasa memberikan hiburan berkualiti kepada penontonnya. Selain itu, temubual ini juga mendedahkan bahawa Encik Ramlee Bin Ab Sallam memiliki dedikasi tinggi terhadap seni persembahan dan seni lakonannya. Beliau menghadapi pelbagai cabaran dalam kerjayanya, tetapi tekad dan semangatnya yang tinggi membantu beliau untuk mengatasi rintangan tersebut. Temubual ini juga mengetengahkan beberapa perkara peribadi mengenai Encik Ramlee Bin Ab Sallam, seperti latar belakang keluarganya dan peranan keluarga dalam menyokong kariernya. Selain itu, beliau juga berkongsi pengalaman dalam industri hiburan dan memberi pandangan mengenai perkembangan seni lakonan di Malaysia. Kesimpulannya, temubual ini telah memberikan wawasan yang berharga tentang kehidupan seorang artis legenda dan pelawak terkenal Malaysia, Encik Ramlee Bin Ab Sallam. Kajian ini memberikan sumbangan kepada bidang seni persembahan dan menjadi sumber rujukan untuk kajian masa depan tentang personaliti seni yang berjaya dan berpengaruh di Malaysia.*

**Kata Kunci:** Ramlee Bin Ab Sallam, pelakon, pelawak, seniman, kerjaya.

# ABSTRACT

**Abstract:** *This interview aims to delve into the life and career of Mr. Ramlee Bin Ab Sallam, a legendary artist and former famous comedian from Malaysia. The interview took place at a restaurant in Kampung Tunjong, Kota Bharu, Kelantan, on 21st June 2023, from 3:00 PM to 5:30 PM. The results of the interview indicate that Mr. Ramlee Bin Ab Sallam started his career as a male actor in the late 90s and quickly gained popularity as a talented comedian. He successfully captivated the audience with his unique sense of humor and consistently provided high-quality entertainment to his viewers. Additionally, the interview also revealed that Mr. Ramlee Bin Ab Sallam has a strong dedication to the performing arts and his acting craft. He faced various challenges in his career, but his determination and high spirits helped him overcome those obstacles. The interview also shed light on some personal aspects of Mr. Ramlee Bin Ab Sallam, such as his family background and the role of his family in supporting his career. Furthermore, he shared his experiences in the entertainment industry and provided insights into the development of acting in Malaysia. In conclusion, this interview has provided valuable insights into the life of a legendary artist and renowned comedian from Malaysia, Mr. Ramlee Bin Ab Sallam. The study contributes to the field of performing arts and serves as a reference for future research on successful and influential artistic personalities in Malaysia.*

**Keywords:** Ramlee Bin Ab Sallam, actor, comedian, artist, career.

# ISI KANDUNGAN

# ISI KANDUNGAN


| TAJUK | MUKA SURAT |
|---|---|
| Penghargaan | i |
| Isi Kandungan | ii |
| Abstrak | iii |
| Biodata Tokoh | iv |
| Pengenalan | v |
| Transkrip | |
| Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh | 02 |
| Bahagian 2: Latar Belakang Pendidikan | 04 |
| Bahagian 3: Bidang Kerjaya Awal | 07 |
| Bahagian 4: Bidang Kerjaya Semasa | 09 |
| Bahagian 5: Cabaran Dalam Dunia Lakonan | 15 |
| Bahagian 6: Sumbangan Dan Pencapaian | 19 |
| Bahagian 7: Nasihat Dan Harapan | 23 |
| Rujukan | 31 |
| Lampiran | |
| Log Wawancara | 33 |
| Diari Kajian | 39 |
| Senarai soalan | 42 |
| Surat Perjanjian | 49 |
| Gambar | 50 |
| Indeks | 56 |

# BIODATA TOKOH

# BIODATA TOKOH



| | |
|---|---|
| **Nama** | Ramlee bin Ab Sallam |
| **Nama Panggilan** | Che Awe Salam Pantai Timur |
| **Umur** | 63 Tahun |
| **Tarikh Lahir** | |
| **Alamat** | Tunjong, Kelantan, Malaysia |
| **Kerjaya** | Pelakon, pelawak. |
| **Pendidikan** | - Sekolah Rendah Kebangsaan Paya Bemban<br>- Sekolah Menengah Kebangsaan Putera<br>- Sekolah Menengah Kebangsaan Ismail Petra |

# PENGENALAN

# PENGENALAN

Artis veteran merujuk kepada individu yang telah berkhidmat dalam industri seni persembahan atau hiburan selama beberapa dekad. Mereka merupakan tokoh-tokoh berpengalaman yang telah menyumbang secara berterusan dan berjaya mengekalkan kehadiran dan relevansi mereka dalam dunia seni. Artis veteran biasanya mempunyai latar belakang kerjaya yang luas, mencakup berbagai medium seni seperti filem, teater, televisyen, muzik, dan bidang-bidang lainnya. Mereka telah mencipta banyak karya seni yang mempengaruhi dan menginspirasi generasi sebelumnya dan masa kini.

Kajian telah dijalankan terhadap seorang tokoh seniman dalam bidang lakonan iaitu, Encik Ramlee Bin Ab sallam atau lebih dikenali sebagai Che Awe. Penyelidik menemui maklumat mengenai Encik Ramlee Bin Ab Sallam di laman 'Facebook'. Maklumat-maklumat mengenai tokoh didapati di dalam internet seperti nombor telefon, nama penuh dan juga alamat tempat tokoh berkarya. Penyelidik menelefon tokoh untuk mendapatkan kebenaran dan juga untuk menetapkan masa dan tempat yang sesuai untuk menjalankan sesi temuramah.

Seterusnya, penyelidik mula mencari maklumat yang lebih lanjut mengenai tokoh yang ingin ditemu bual di dalam internet. Hal ini bagi menambahkan lagi informasi dan juga persoalan yang akan ditanya terhadap tokoh. Antara maklumat yang dicari lebih lanjut termasuklah, latar belakang, kejayaan dan juga sumbangan Encik Ramlee. Selepas beberapa maklumat dikumpul, penyelidik telah menyiapkan soalan kajian untuk sesi menemu ramah bersama Encik Ramlee. Sesi temu bual telah dijalankan di Kedai Makan, Tunjong, Kelantan.

# TRANSKRIP

# TRANSKRIP

Rakaman ini berkisah tentang sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang seni lakonan. Bersama-sama kami ialah Encik Ramlee Bin Ab Sallam yang merupakan seorang pelakon. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 21 Jun 2023 bersamaan dengan hari Isnin pada pukul 2 petang bertempat di Tunjong, Kelantan. Temubual ini dikendalikan oleh Mohamad Shahdan Hashraf Bin Ismail dan Nurin Balqis Binti Mazeri. Berikut adalah hasil rakaman.

| |
|---|
| Petunjuk:<br><br>ER: Encik Ramlee bin Ab Sallam<br>MSH: Mohamad Shahdan Hashraf bin Ismail<br>NB: Nurin Balqis binti Mazeri |

**BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH**

| | | |
|---|---|---|
| **NB** | : | **Kami akan mulakan dengan soalan yang pertama mengenai latar belakang haa [berfikir] Encik Ramlee. Bolehkah kami tahu nama penuh dan nama samaran encik? Jika ada?** |
| **ER** | : | Okay nama penuh mace [macam] tadi la tu, Encik Ramlee bin Ab Sallam. Okay, nama penuh deh [tau]. Ko [ke] nak nama mace [macam] ore [orang] panggil pokcik [pakcik] berlakon gapo [apa] ha tu, Abe Awe haa Salam Pantai Timur. |
| **NB** | : | **Haa, soalan seterusnya, berapakah umur encik pada tahun ini?** |
| **ER** | : | Umur tahun ni, ney puluh tigo [63] tahun. Tuo [tua] doh [dah] |
| **NB** | : | **Haa, bolehkah kami tahu nama isteri encik?** |
| **ER** | : | Namo [nama] -- isteri, Che Zakiah binti Sarib. |
| **NB** | : | **Ha -- bolehkah kami tahu siapakah nama ibu dan bapa encik?** |

ER : Ibu. Okay, dan juga ayah dia . Hmm (berfikir)
**Dari negeri manakah ibu dan bapa encik berasal?**

NB : Samo [sama] Kelate [Kelantan] belako [semua]

ER : **Berapakah bilangan adik beradik encik?**

NB : Adik-beradik nneyy [6] nneyy [6] Pokcik [pakcik] anok [anak] yang keduo

ER : [ke 2] Haa anak yang keduo [ke 2] Okay.
**Haa, adakah encik mempunyai adik beradik yang paling rapat?**

NB : Eh, rapat belako [semua] Rapat adik-beradik, rapat belako [semua]

ER : **Hm [berfikir] haa berapakah bilangan anak anak encik?**

NB : Anok [anak] tok [tak] ingat abih [habis] nok [nak] biley [kira] meta [kejap].

ER : Sor [1], duo [2], tigo [3] pak [4] limmmo! [5] Limo [5] tok [tak] ingat doh [dah] tu.
**Haa, adakah anak anak encik masih tinggal bersama encik?**

NB : Sorey [sorang] jah [je] bongsu. Yang bongsu. -- Yang lain semo [semua]

ER : duk [tinggal] luar belako [semua] la.
**Haa [berfikir] apakah makanan kegemaran encik?**

NB : Makenney [makanan] tu makeney [makanan] kegemarey [kegemaran],

ER : makeney [makanan] kapong [kampung] laa ore [orang] tuo [tua] buat dulu. makeney [makanan] kapong [kampung]. Tidok [bukan] makeney makeney [makanan-makanan] macey [macam] -- masekey [masakan] panas gapo [apa] dok [bukan] la bukei [bukan], makenei [makanan] kapong [kampung] dulu kei [kan]
**Dimanakah tempat kelahiran encik? Adakah encik berasal dari negeri**

NB : **Kelantan ataupun encik telah berhijrah dari negeri lain?**
Okay, asal Kelate [Kelantan] meme [memang] asal Kelate [Kelantan].

ER : Kecek [cakap] pun Kelate [Kelantan] dey [dan] jugok [juga] berasal daripado [dari], lahirnyo [lahirnya] daripado [dari] Jale Baye, Payo Ramba (Jalan Bayam, Paya Rambai)
**Bolehkah encik senaraikan nama anak anak encik?**

NB : Keno [kena] buh [letak] namo [nama] ko? [ke]

ER :

**NB** : **Pendek pun takapa.**

ER : Okay, yang pertama sulung, Nini. N, I, N, I. Ye [yang] keduo [ke 2], -- Hafiz. Ye [yang] ketigo [ke 3], Nazri. Ye [yang] keempat [ke 4], Ida. Limmo [lima] ko [ke] -- tok [tak] ingat dohla [dahla]. Hafiz, duo [2] tigo [3] pakkk [4] tukkar [tertukar]. Oh, tok [tak] ingat anok [anak] berapo [berapa]

**NB** : **Pada tahun berapakah encik mendirikan rumah tangga encik?**

ER : Taahun [tahun] mula dirikei [dirikan] rumahtanggo [rumahtangga] tahun lape [lapan] puluh tigo [tiga] [83]. Lape [83] [lapan] puluh tigo [tiga]. Adik takdok [takada] lagi dokk? [kan] Lape [8] puluh tigo [3] [83] dih? [kan] Pasal anok [anak] sulung pokcik [pakcik] hhok [yang] tu pun pak [empat] puluh satu [41] tahun. Hok [yang] sulung. Pak [4] psatu [1] [41] ko [ke] pak pduo [2] [42].

**NB** : **Adakah adik beradik encik tinggal di kawasan sekitar atau di negeri lain?**

ER : Okay, Kelate [Kelantan] belako [belaka], supo [sama]. Kelate [Kelantan] belako [belaka]

TAMAT BAHAGIAN 1

BAHAGIAN 2: LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

**NB** : **(bunyi kertas) Okay, soalan yang seterusnya, latar belakang pendidikan encik. Haa, tahun bilakah encik memulakan persekolahan?**

ER : Daripada satu start [mula] sekoloh [sekolah] tahun -- smile [9] belah [belas] nney [6] puloh [puluh] tujoh [7] [1967]. Nney [6] puluh tujoh. [7] 67]

**NB** **Apakah matapelajaran yang encik minat semasa di sekolah rendah?**

ER : Maso [masa] skoloh [sekolah] dulu, bahaso [Bahasa] Melayu, dulu bahaso [Bahasa] Melesia [Malaysia] la loni [sekarang] toktahu [tak tahu] la dulu sebute [sebutan] gapo [apa] denga [dengan] sejaroh.[Sejarah] Haa, Sejarah.

NB : **Adakah encik masih mengingati guru kegemaran encik sewaktu di sekolah**

ER : Cikgu di skoloh [sekolah] hoktu [yang tu] -- arwoh [arwah] doh [dah] pasal tahun dulu-dulu dih [kan], Cikgu Yusof haa [berfikir] dey [dan] juga Cikgu Saupi la.

NB : **Mengapa encik meminati beliau?**

ER : Pasalnyo [pasalnya] buleh [boleh] dengar nga [dengan] murid-murid maknonyo [maknanya] -- seloroh kei [kan] maksudnya rapatla, akrab.

NB : **Adakah encik mempunyai rakan karib semasa di sekolah?**

ER : Sekoloh, [sekolah] banyok. [banyak] Nok [nak] sebut tok [tak] ingat namo. [nama]

NB : **Adakah encik masih berhubung dengan beliau?**

ER : Dokk. [Tak] Tok [tak] berhubung, tok [tak] ingat doh. [dah] Kade-kade [kadang-kadang] jupo [jumpa] gitu-gitu jela [je]. Jupo [jumpa], hmm [berfikir]

NB **Adakah encik pernah menceburi bidang sukan semasa di sekolah? Jika pernah apakah sukan yang encik ceburi?**

ER : Okay, olahraga. seratus [100] meter. Dulu lah [la]. Hmm [berfikir], dulu. Sekoloh [sekolah] menengoh [menengah] dulu. (bunyi motosikal) Hmm [berfikir]

NB : **Haa [berfikir] adakah encik masih ingat dimanakah encik bersekolah? Jika ya, bolehkah encik senaraikan nama nama yang pernah encik bersekolah?**

ER : Okay, sekoloh yang mulo-mulo sekali sekoloh [Sekolah] Kebangsaan Paya Bemban. Iyo [iya], lepahtu [lepastu], -- menengoh [menengah], Sekolah Menengah Putera. Dan juga SMIP. [Sekolah Menengah Ismail Petra]

NB **Ha, tahun bilakah encik menamatkan pengajian encik?**

ER : Tujuh [7] pulooh [puluh] -- limo [5], tujoh [7] puluh limo. [5] [75]

NB : **Apakah kenangan manis yang paling diingati oleh encik ketika di peringkat sekolah menengah?**

ER : Dekat skolah menengah kenangan manis tu, haa [berfikir] menang haa [berfikir] naib johan serratus [100] meter laa. Olahraga suke [sukan], suke [sukan] sekolah. Tu jela. Hmm [berfikir] (bunyi motosikal)

NB : **Adakah cita-cita encik ketika, apakah cita-cita encik ketika di zaman persekolahan?**

ER : Cita-cita tu sebenarnyo [sebenarnya], banyok cito-cito [cita-cita] tapi tok [tak] dapat cito-cito [cita-cita] yang dihajatkei. [dihajatkan]

NB : **Antara cita-cita?**

ER : Nok [nak] jadi cikgu gapo [apa], tapi tok [tak] dapat. Yang dihajatkei [dihajatkan] semo [semua] tok [tak] dapat.

NB : **Adakah encik aktif dalam mana-mana kelab persatuan?**

ER : Kelab persatuwe [persatuan], Kelab Persatuwe [persatuan] Dikir Barat Kelate [Kelantan]. Haa, Anak Seni Kelate [Kelantan].

NB : **Apakah pencapaian encik yang tidak boleh encik lupakan dalam pendidikan?**

ER : Pendidikei. [Pendidikan] Yang tak boleh dilupokei [dilupakan]. Susoh [susah] kadei kadei. [kadang-kadang] *result* [keputusan] tok [tak] cantik mano [mana]. Paling okay pun -- *result [keputusan]* tamat tingkatan limo [lima] [5] la. Tamat SPM. [Sijil Pelajaran Malaysia]

NB : **Apakah yang sentiasa encik lakukan untuk berjaya dalam pendidikan?**

ER : Takdok. [Tiada]. Tak, takdok [tiada] tidok [tidak] itu la. Biaso [biasa], biaso [biasa] pokcik biaso [biasa]. -- Nok [nak] kato [cakap] rajin, tok [tak] rajin jugok. [juga]

NB : **Adakah encik pernah memberi tumpuan kepada aspek tertentu dalam seni persembahan, seperti teater, tarian, atau filem di zaman persekolahan encik?**

ER : Takdok, [tiada], -- maso [masa] tu pakcik takdok [Tiada] kegiate [kegiatan] untuk teater atau filem, maso [masa] skoloh [sekolah] sokmo [selalu] olahraga untuk suke. [sukan]

NB : **Adakah encik pernah berhasrat untuk melanjutkan pengajian encik?**

ER : Tok [tak] pernoh. [pernah] Habis SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] paka [kira] habis.

TAMAT BAHAGIAN 2

BAHAGIAN 3: BIDANG KERJAYA AWAL

NB **Okay, kita pergi ke soalan seterusnya mengenai bidang kerjaya awal encik. Apakah pekerjaan pertama encik selepas tamat pengajian? Nyatakan pekerjaan yang pernah encik ceburi.**

ER : Okay, -- setelah tamat pengajiye [pengajian], pekerjae [pekerjaan] pertama, kijo [kerja] biaso [biasa], kijo-kijo [kerja-kerja] untuk dapat gaji, untuk make [makan] make [makan] gitu jelah [sajalah]. Maso [masa] tu, maso [masa] umur mudo [muda], -- kito [kita] takdok [takada] kijo [kerja] tetap. Contohnyo [contohnya], kijo [kerja] jahit Dunlop [nama kedai]. Dunlop [naam kedai] -- hok [yang] tilam-tilam ha maso [masa] mudo [muda] la tu. Lapan [8] belas [18], semilan [9] belas [19], duo [2] puloh [puluh] [20] masa tu la. Hmm [berfikir]

NB : **Boleh encik ceritakan serba sedikit tentang pengalaman kerjaya yang encik sebutkan tadi?**

ER : Lagu [macam] mano [mana] tu?

NB : **Masa kerja Dunlop tilam tu?**

ER : Kijo [kerja] Dunlop tilam tu -- bidang kerjaya dia biasa la dulu kito [saya] kijo [kerja] dengan syarikat maknanya -- gaji pun tok [tak] mahal, biasa. Cuma, masa tu kita kerja masa tu untuk make [makan] kito [kita], haa untuk make [makan] kito [kita] maknanya nok [nak] bagi dekat orang tuo [tua]

tok [tak] buleh [boleh] la. Maso [masa] tu untuk make [makan] kito [kita] sajo [saja].

NB : **Berapakah umur encik ketika itu?**

ER : Ketika tu [itu], -- smile [9] belas [19] tahun. Smile [9] belas [19] tahun.

NB : **Mengapakah encik memilih untuk bersara dari pekerjaan yang sebelum ini?**

ER : Pasal [sebab] mudo [muda] maso [masa] tu -- biaso [biasa], kijo [kerja] pun buke [bukan] tetap, kijo [kerja] stahun [setahun], breti. [berhenti] Kalu [kalau] mace [macam] itulah, mace [macam] tulah [itula].

NB : **Adakah encik mempunyai sebarang kenangan manis ketika bekerja di situ?**

ER : Takdok [tiada], -- biaso [biasa]. Makno [makna] kenange [kenangan] tu biaso [biasa] la.

NB : **Apakah jawatan (bunyi van) yang encik sandang ketika bekerja di sana?**

ER : Pembantu. Pembantu kedai.

NB : **Apakah faktor atau peristiwa yang memotivasikan encik untuk berpindah daripada bidang kerjaya awal encik kepada bidang lakonan?**

ER : Okay, kerja maknanya masuk bidang lakonan ni hmm [berfikir] -- berpindah dari kerja awal kepada bidang lakonan maknanya kerja awal, maknanya kijo [kerja] kito [saya] tu, kijo [kerja] tok [tak] [kerja] tetap, maknanya kerja kito [saya] tak buleh [boleh] menjamin masa depe [depan] kita. Haa pasalnya [sebabnya] kita perlu berpindah la. (bunyi kereta)

NB : **Apakah yang membuat encik merasa tertarik dan yakin bahawa lakonan adalah bidang kerjaya encik?**

ER : Okay, pasal bidang lakonan ni haa [berfikir] tengok atas segi secara individu, kalu [kalau] kito [kita] panda [pandai] jaga periuk nasi kita, boleh bertahan lama. Haa, kita -- boleh bertahan lama. Dan kade-kade [kadang-kadang] apa orang kata, masuk pun okayla Alhamdulillah. [bersyukur]

NB : **Bagaimana encik menguruskan peralihan dari bidang kerjaya awal ke dalam industri lakonan?**

ER : Macam mana?

NB : **Bagaimana encik menguruskan peralihan dari bidang kerjaya awal tadi ke dalam industri lakonan?**

ER : Ha okay. Mula-mula -- meme [memang] la raso [rasa] apa, rasa kito [kita] kijo [kerja] biaso [biasa], tiba-tiba kita gi [pergi] ke bide [bidang] lakone [lakonan], situ kito [kita] braso [berasa] denga [dengan] apa --, satu kejutan dan juga kita rasa seronok, ha [teruja] seronok dapat berlakonlah, seronok dapat berlakon, rasa puas.

NB : **Adakah terdapat pengalaman atau kemahiran yang encik peroleh dari bidang kerjaya awal encik yang membantu encik dalam perjalanan sebagai pelakon?**

ER : Okay, itu tidok [tidak] ada kaitan dengan pekerjaan awal dengan pelakon, -- takdok [tiada] kaite [kaitan] tu maknanya tiada kaitanlah dengan pembantu kedai dengan kerja lain, takdok [tiada] kaite [kaitan].

TAMAT BAHAGIAN 3

## BAHAGIAN 4: BIDANG KERJAYA SEMASA

NB : **Seterusnya, untuk bidang kerjaya semasa. Sejak bilakah encik menceburi bidang lakonan?**

ER : Okay, bidang lakoneyy [lakonan], -- tahun Sembilan [9] puluh tigo [3] [93.

NB : **Sejak bilakah encik sedar bahawa encik mempunyai bakat dalam bidang tersebut?**

ER : Haaa [berfikir], yang pertama pasal pakcik bergiat dalam RTM [Radio Televisyen Malaysia] Kota Bharu, sebagai pelawak. Hmm [berfikir] sebagai pelawak ha -- dari situ la RTM [Radio Televisyen Malaysia] Kota Bharu hantar pakcik ke angkasapuri untuk sitcom [situasi komedi] Salam Pantai Timur.

NB : **Haa [berfikir] berapa lamakah masa yang diambil oleh encik untuk mahir dalam bidang lakonan ini?**

ER : Okay, bidang lakonan ni selalunya lebih kure [kurang] -- pak [4], limo [5] tahun baru paham[faham] dengan apa itu lakonan, faham dengan apa itu skrip yang dibagikei [diberikan]. Kita kena menjiwai watak kita -- baru kita faham.

NB : **Sudah berapa banyak cerita yang pernah encik lakonkan?**

ER : Hmm [berfikir], keno [kena] oyak [bagitahu] tajuk ko [ke]?

NB : **Bagi [beritahu] berapa yang encik ingat?**

ER : Cerita banyak jugok [juga], tapi [tetapi] -- tok [tak] ingat tajuk kalu [kalau] hok [yang] ingat -- "Pendekar Durian Lempuk" yang ditayangkan di Astro Ria haaa [berfikir], "Kancing Baju Melayu", -- "Sebiru Warna Laut", "Pokya Cong Codei", hmm [berfikir], "Tumpat Berdarah", eh banyak.

NB : **Agak-agak berapa tu?**

ER : Lebih kure [kurang] -- duo [2] puluh lebih jugok [juga]. Ha, buatla dua [2] puluh limo [5] atau duo [2] puluh tigo [3]. Ha untuk drama la.

NB : **Apakah cerita pertama yang encik lakonkan?**

ER : Cerita pertama yang dilakonkan ialah -- "Sebiru Warna Laut". Ha "Sebiru Warna Laut".

NB : **Tahun berapakah ketika itu?**

ER : Tahun yang ditayangkan dua [2] ribu tujoh [7] --, lapan [8]. Haa [teruja]dua [2] ribu lapan [8] [2008], macam tu la, pokcik [pakcik] lupa.

NB : **Berapa tahunkah encik berkecimpung dalam dunia lakonan ini?**

ER : Dunia lakonan lebih kurang sembilan [9] belas [19] tahun.

NB : **Apakah watak pertama yang encik lakonkan?**

ER : Watak pertama -- sebagai watak pembantu, sebagai ayah. Haaa [berfikir] ayah la.

NB : **Boleh encik ceritakan serba sedikit tentang filem pertama yang encik lakonkan?**

ER : Filem pertama, satu filem je pakcik berlakon iaitu --"Duan Naga Boro", ha tigo [3] bulan lepas dio [dia] taye [tayang] dale [dalam] panggung la. Itu sebagai watak pembantu. Hmm [berfikir]

NB : **Siapakah yang mendorong encik untuk terus menceburi dalam bidang lakonan sehingga kini?**

ER : Hmm [berfikir], dia DJ [deejay] RTM [Radio Televisyen Malaysia] Kota Bharu, -- Nor Jaafar. Dio [dia] memberi galakan kepada cik untuk -- main *stage* [pentas], lawok-lawok [lawak-lawak] *stage* [pentas], arwah Pok Sid dan Pok Ya. Tok [tak] ingat semo [semua] dok? [kan]. Ore [orang] lamo [lama] tu.

NB : **Siapakah nama pengarah pertama yang menjemput encik untuk berlakon dalam ceritanya?**

ER : Pengaroh [pengarah] pertama, -- Abdul Rahman.

NB : **Haa [berfikir] (bunyi motosikal) Bagaimana encik memilih watak yang ingin encik lakonkan?**

ER : Okay, kita kena pilih watak yang sesuai. Kalu [kalau] tidok [tidak] watak tu dia buat untuk kito [kita], meme [memang] -- kita tidak boleh menjiwai watak tu. Kita pilih watak yang sesuai, kalua watak yang tidak sesuai, kita tolok [tolak] la, kalau kito [kita] tidak boleh menjiwai. Kalau kita ambik juga watak tu, lakonan kito [kita] -- tidok [tidak] akan hidup.

NB : **Apa kriteria yang encik gunakan untuk membuat keputusan mengenai watak-watak yang sesuai untuk encik?**

ER : Kito [kita] kena bincang dengan pengarah. pengarah bagi skrip, bagi arahan— "yang ni watak *you* [awak], okay, kalau you [awak] boleh bawa watak ni, okay -- saya bagi watak ni". Kalu [kalau] kita tukar watak,-- kita ambik watak yang lebih ringan.

NB : **Bagaimana encik mempersiapkan diri untuk peranan yang mencabar emosi?**

ER : Okay, tu kade-kade [kadang-kadang] -- kito [kita] nak shooting [pengambaran] drama atau pun filem, dia bagi satu [1] bulan -- dia dah bagi

skrip, untuk kita menjiwai watak tu. Kalau masuk *scene* [tempat pengambaran] baru dia bagi skrip, habis kuca [kacau].

NB : **Adakah terdapat teknik khusus yang encik gunakan untuk membawa perasaan watak kepada kehidupan?**

ER : Okay, kita -- teknik dia sebenarnya kita kena ikut atas skrip. Haa [bersetuju] atas skrip tu -- kita kena watak yang sedih, di situ kita kena susoh [susah] sikit [sedikit]. Yang komedi, lagi senang. Ha, watak tu memang susah, -- watak sedih tapi kalu [kalau] kita tengok, kita baca, kita faham skrip tu, maka kita boleh bawak watak tu.

NB : **Kerjasama antara pelakon dan pengarah sangat penting dalam mencipta kesan yang kukuh. Bolehkah encik berkongsi pengalaman encik dalam bekerjasama dengan pengarah?**

ER : Pelakon dan pengarah memang kita cukup akrab. Memang kita satu keluarga, ha -- duduk di *scene* [tempat pengambaran], kita satu keluarga. Duduk di set tu kita satu [1] keluarga.

NB : **Adakah terdapat pelakon atau pengarah (bunyi kereta) yang encik kagumi dan ingin bekerjasama dengan mereka?**

ER : Ookay [teruja]. Yang pokcik [pakcik] pernah berlakon dengan Nasir Bilal Khan. -- Nasir Bilal Khan dengan arwah M.Rajoli ha itu memanglah -- seorang pelakon yang hebat, dan pengarah yang hebat yang pakcik jumpa adalah Encik Sabri Yunus. Haa, abang Sabri Yunus.

NB : **Mengapa encik tertarik untuk bekerjasama dengan mereka dan apa yang encik harapkan daripada kerjasama tersebut?**

ER : Haa, pasal gini [macamni], -- kita mace [macam] Nasir Bilal Khan, ni [ini] apabila kito [saya] berlakon dengan dio [dia], -- dia tidak [tidak] lokek, dia bagi tunjuk ajar kepada kita. Ha kito [kita] kena buat mace [macam] ni, mace [macam] tu, [tunjuk isyarat tangan] pasal kita orang baru pada dio [dia], dia bintang, kita biaso [biasa]. -- Dia bagi tunjuk ajar. M Rajoli pun dia ada kelakar dia, karakter dia. Macam Sabri Yunus apapun, dia tak buat skrip. Ha, kita sampai dekat set tu dia tulis, -- dia bagi kertas kosong, Macam yang lain, dia bagi skrip awal sebule [sebulan].

NB : **Kepelbagaian watak adalah penting dalam membina portfolio pelakon. Bagaimana encik melatih diri encik untuk berperanan dalam watak yang berbeza dan berlainan daripada diri encik sendiri?**

ER : Ha, dia watak betul, -- watak ni memang penting setiap drama mahupun filem. Tapi, kalu [kalau] kita tidak menjiwai watak tu maka -- tidak akan jadi, tapi kita bilo [bila] orang panggil dengan tajuk apa dia bagi, -- awal-awal lagi kita kena menjiwai sorang diri kita, dalam bilik ke kena menjiwai.

NB : **Bagaimana encik menghadapi kegagalan atau kekecewaan dalam kerjaya lakonan?**

ER : Kegagale [kegagalan] ni -- sebenarnya lakone [lakonan] ni kita ada kegagalan haa apa [berfikir] kegagalan yang pertama adalah watak tu tidak sesuai dengan kita, maka, nak bawak tapi tidok [tidak] jadi.

NB : **Adakah terdapat cara khusus yang encik gunakan untuk menjaga semangat dan kepercayaan diri encik?**

ER : Hmm [berfikir], -- kita kena jaga apabila orang panggil kita untuk membuat drama, kita, maknanya kita tengok apa perane [peranan] kita dalam skrip, pendekar ke ataupun ayah, dia lain-lain tu. Sebelum shooting [pengambaran] tu, kena jiwai dulu.

NB : **Bagaimana encik memperkukuhkan kemahiran lakonan encik secara berterusan?**

ER : Memperkukuhke [memperkukuhkan] dih [ya]? Kita kena pertingkat sokmo [selalu]. Hari nak pergi *shooting* [pengambaran], kito [kita] ada masalah sikit, -- fikiran kita jadi srabuk [serabut], skrip panje [panjang] kita baca jadi serabut.

NB : **Adakah terdapat program latihan atau kursus yang encik pertimbangkan untuk melengkapkan kemahiran encik sebagai pelakon?**

ER : Sebelum jadi pelakon, -- kita kena bergiat dalam teater --, pasal di Malaysia sekalipun dia ada kelas teater. --Apabila habis kelas teater, dia boleh berlakon.

NB : **Industri lakonan berubah dengan cepat. Bagaimana encik mengikuti perkembangan terkini dalam industri ini dan menyesuaikan diri dengan perubahan tren dan keperluan peranan baru?**

ER : Okay, sekarang ni macam tengok tengok kebanyake [kebanyakkan] -- Youtube, drama-drama tv [televisyen] macam biasa, dari dulu -- sampai skare [sekarang], mace [macam] biasa, tidak berbezo [berbeza]. -- Mace [macam] pengarah-pengarah macam Sabri Yunus tu pokcik [pakcik] terima la. -- Macam pengarah lain, skrip banyok [banyak] sangat, -- buat di luar Klate [Kelantan], pokcik [pakcik] tok [tak] terima la. Drama tv [televisyen] loni [sekarang] sama je, pokcik [pakcik] tokleh [tak boleh] hurai pun.

NB : **Apa yang membezakan encik daripada pelakon lain?**

ER : Membeza antara pelakon lain, macam ada pelakon *star* [bintang], kita tak buleh [boleh] la membezakan dengan dia, -- dia *star* [bintang], kita biaso [biasa].

NB : **Apakah ciri-ciri unik yang encik bawa ke dalam setiap peranan dalam lakonan?**

ER : Ciri-ciri yang unik eh, takdok [tiada]. -- Hanya lakonan biaso [biasa].

NB : **Adakah adik beradik encik turut terlibat dalam bidang yang sama? Jika ada, berapa orang yang terlibat?**

ER : Oh takdok [tiada] takdok [tiada], pokcik [pakcik] sore [sorang] jah [je].

NB : **Adakah encik mempunyai sebarang projek masa depan?**

ER : Pasal masa depe [depan] raso [rasanya] -- takdok [tiada] projek dah, hanya meniaga la. Mace [macam] tu la.

NB : **Bagaimana perasaan encik ketika melakonkan peranan pertama encik dalam filem, drama, atau teater?**

ER : Hmmm [berfikir], perasae? [perasaan]. Perasae [perasaan] mulo-mulo [mula-mula] tu orang panggil kita untuk berlakon, meme [memang] gementar tu ado[ada] la, pertama kali kito [saya] berlakon tu, -- kita kena hafal skrip tu, hafal sapa [sampai] male [malam]. Tapi apabila kita hafal pun, tok [tak] keno [kena] lagi. Lenggok dio [dia] susah, tapi apabila kita lamo [lama] sangat, okay la.

NB : **Apakah jenis peranan yang paling mencabar yang pernah encik lakonkan?**

ER : Yang paling mencabar dalam lakonan adalah, pendekar. Pendekar tu mencabar, kita kena stamina kuat, stamina kena kuat la.-- Mental kita kena kuat pasalnya pendekar. (bunyi kereta)

NB : **Apa peranan profesional yang lain yang encik pernah terfikir untuk cuba selain daripada menjadi pelakon?**

ER : Sekarang ni takdok [tiada] nak cuba, kalu [kalau] ikut faktor usia, -- tak cuba dah.

NB : **Adakah terdapat aspirasi atau minat lain yang ingin encik teroka dalam industri hiburan?**

ER : Takdok [tiada], takdok [tiada]. Hibure [hiburan] la pokcik [pakcik]. Sampai skare [sekarang] -- hibure [hiburan] la, nak tukar tokleh [tak boleh] dah,

NB : **Pernahkah encik menolak tawaran untuk berlakon? Kalau ada faktor-faktor yang mempengaruhi keputusan tersebut?**

ER : Okay, haa [berfikir], pernah jugak pokcik [pakcik] tolak berlakon, kade-kade [kadang-kadang] -- ore [orang] panggil berlakon di Selangor, sapa [sampai] sbule [sebulan] keno [kena] duk [duduk] sano [sana] dan bayaran ciput sangat, ha pakcik tolak la. Terpaksa tolak.

**TAMAT BAHAGIAN 4**

## BAHAGIAN 5: CABARAN DALAM DUNIA LAKONAN

MSH : **Seterusnya, kita pergi ke cabaran dalam dunia lakonan. Lakonan melibatkan penghayatan perwatakan yang pelbagai. Bagaimana encik mengatasi cabaran untuk berperanan dalam watak-watak yang berbeza daripada diri encik sendiri?**

ER : Hmm [berfikir], watak dih? [eh]. -- Mengatasi cabare [cabaran] ni, seperti pokcik [pakcik] oyak [cakap] tadi la, maknanya macam kita nak berlakon

watak yang orang bagi dekat kito [kita], kita kena awal-awal lagi kena berlakon sendiri-sendiri depe [depan] cermin.

MSH : **Penglibatan dalam projek lakonan sering kali melibatkan jadual yang padat dan kerja berjam-jam. Bagaimana encik menangani cabaran ini dan menjaga kecekapan dan keseimbangan antara kerjaya dan kehidupan peribadi?**

ER : Masa pakcik pernah berlakon dulu, pakcik takdok [tiada] kerja lain, hanya tumpu kepada bidang lakone [lakonan]. Dan maknanya, -- tak kisah la bila-bila panggil pun, pokcik [pakcik] boleh pergi.

MSH : **Kritikan adalah sebahagian daripada perkembangan profesional. Bagaimana encik menghadapi cabaran menerima kritikan dan bagaimana encik menggunakan maklum balas tersebut untuk memperbaiki diri?**

ER : Pokcik [pakcik] lain dari orang lain, apabila pakcik terima kritikan, tindakbalas, pakcik takdok [tiada] benci benci orang -- takdok [tiada], pokcik [pakcik] cakap terima kasih dan maju jaya kepada diore [diorang]. Pasal apabila orang kritik, lakonan kita tidak menjadi. Kalau orang tak kritik, meme [memang] la lakonan kita ni biaso [biasa], tidok [tidak] menjadi, itu je.

MSH : **Cabaran dalam berlakon seringkali termasuk adegan yang emosional atau berbahaya. Bagaimana encik mempersiapkan diri secara fizikal dan mental untuk mengatasi cabaran ini dan memastikan keselamatan diri?**

ER : Okay, situ kita kena *training* [latihan] la. Sebelum kita *shooting* [pengambaran], -- pengarah suruh kito [kita] *training* [latihan] dulu, macamana kito [kita] kata macam pendekar, cara apa nak, tike [tikam] ore [orang] apa semua tu, sekat [sampai] mana nok [nak] tapa [tampar] [isyarat tangan] orang tu, skerat [setakat] mano [mana] tange [tangan] nak berhenti tapa [tampar], haa [berfikir] macam tu, -- kita ada teknik kita dengan pelakon yang kita lakon tu.

MSH : **Sebagai seorang pelakon, encik mungkin perlu beradaptasi dengan perubahan skrip atau arahan yang baru. Bagaimana encik menghadapi cabaran ini dan menyesuaikan diri untuk menyampaikan persembahan yang berkualiti?**

ER : Okay, tu satu masaloh [masalah] jugok [juga] tu, kade-kade [kadang-kadang] kita,-- skrip kita bagi awal lain, bilo [bila] sapa [sampai] di set, dia cakap haa [berfikir], kito [kita] ubah skrip, Maknanyo [maknanya], dialog-dialog abang, yang ni yang ni yang ni [tunjuk di kertas], kito [kita] pening sikit.

MSH : **Industri lakonan adalah persaingan yang ketat. Bagaimana encik menghadapi cabaran untuk mendapatkan peranan yang diingini dan membangun kerjaya yang berjaya dalam dunia lakonan?**

ER : Okay, kita mace [macam] -- pakcik ni, pelakon buke [bukan] bintang, pelakon bintang dengan buke [bukan] bintang ni lain. -- Bukan bintang ni ore [orang] panggil ke apa, kita pergi. Harga pun meme [memang] tak tinggi, yang bintang macam Jalaluddin Hassan, -- semua tu memang dia belas-belas ribu. Mace [macam] pakcik ni tok [tak] sapa [sampai] puluh-puluh ribu. Pakcik hanya spuloh [sepuluh] [10] ribu. Itu pun banyak scene [pengambaran] la. Berepisod.

MSH : **Cabaran lain yang dihadapi oleh pelakon adalah menjaga keaslian dalam persembahan watak yang sering kali diulang. Bagaimana encik memastikan setiap persembahan encik tetap segar dan mencerminkan kesetiaan terhadap watak yang dilakonkan?**

ER : Hmm [berfikir], ha okay. Kade-kade [kadang-kadang] -- kito [kita] sapa [sampai] di set, kita kena happy. Kita buwe [buang] segala-segala yang ada di fikire [fikiran] kito [kita]. Kita tumpuke [tumpukan] pada bide [bidang] lakonan kita. Kita kena hadapi, buat sampai sratuh [seratus] [100] peratus.

MSH : **Seterusnya, kemahiran (bunyi kereta) bahasa juga merupakan cabaran dalam lakonan, terutama jika encik perlu berlakon dalam bahasa yang bukan ibunda encik. Bagaimana encik mengatasi cabaran**

**ini dan memastikan penyampaian yang tepat dan berkesan dalam pelbagai bahasa?**

ER : Haa, okay. Hok [yang] ni pernah berlaku pakcik, pasal pernah kito [kita] berlakon masa tu, cakap luar la dih? [kan] -- . Ore [orang] Klate [Kelantan] kade-kade [kadang-kadang] susoh [susah] kalu [kalau] keluar Klate [Kelantan], tubik [tercakap] jugok [juga] Klate [Kelantan]. Tapi maknanya kita kena ulang la, kadang-kadang pengarah cut [henti] okay. "Abang, abang keluar [tercakap] Kelantan". Ha dia suruh ulang balik. -- Tapi situ, kita kena ikut skrip la. Tengok skrip, ikut skrip. Tapi takdok [tiada] masalah, buleh [boleh] la.

MSH : **Seterusnya, cabaran dalam membangun watak termasuk juga penelitian mendalam untuk memahami latar belakang dan kehidupan watak. Bagaimana encik menjalankan kajian dan mengatasi cabaran untuk memastikan encik dapat menghidupkan watak secara autentik?**

ER : Watak dio [dia] sebenarnya -- meme [memang] susoh [susah] nk hidupkei [hidupkan] iaitu watak-watak dia bagi watak yang penting, watak yang utamo [utama] memang itu untuk pelakon-pelakon yang *star* [bintang]. Kade-kade [kadang-kadang] pokcik [pakcik] nilai jugok [juga] lakonan ore [orang], tiru lakonan ore [orang]. (bunyi burung)

MSH : **Cabaran terakhir adalah menjaga motivasi dan semangat dalam industri yang sering kali tidak menentu. Bagaimana encik menghadapi cabaran ini dan bagaimana encik terus berusaha untuk berkembang dan berjaya sebagai pelakon?**

ER : Okay, kita nak berjaya sebagai pelakon ni, -- kita kena disipin nombor satu [1]. Disipin tu, macamana ore [orang] tu pun, disiplin nombor satu [1]. Lakone [lakonan] yang keduo [ke-2], disiplin nombor satu [1]. Apabila kita disiplin dengan produser mana-mana, orang akan panggil kita.

**TAMAT BAHAGIAN 5**

## BAHAGIAN 6: SUMBANGAN DAN PENCAPAIAN DALAM DUNIA LAKONAN

MSH : **Seterusnya, kita pergi kepada sumbangan dan pencapaian dalam dunia lakonan. Soalan pertama ialah, boleh kongsikan sumbangan terbesar encik kepada bidang lakonan? Apakah projek yang paling memberi impak dalam kerjaya encik?**

ER : Projek dih? [ya]. -- Dalam bidang lakonan, sumbangenya [sumbangannya] saya ingat, pokcik [pakcik] haa [berfikir] yang pertama adalah pokcik [pakcik] dalam bidang industri sitkom [situasi komedi] Salam Pantai Timur, dia bagi sumbangan ha kita ingat masa tu -- *top* [terkenal] Salam Pantai Timur sainge [saingan] dio [dia] dengan Senario, ha itu -- sumbangan pokcik [pakcik] sebabnya berepisod, belas-belas tahun lebih kure [kurang] pak [4] belas [14] tahun lamonyo [lamanya] disiarkan di tv [televisyen] tv satu [1].

MSH : **Seterusnya, bagaimana encik melihat peranan encik sebagai pelakon dalam menyampaikan mesej atau mempengaruhi penonton? Adakah terdapat peranan tertentu yang telah membolehkan encik menyampaikan mesej yang kuat atau memberikan impak yang mendalam?**

ER : Itu sebenarnya kalau kita buat filem atau pun drama, yang pertamanya -- skrip. Skrip itu yang penting. Haa, pelakon ni dia boleh menjiwai kerana skrip. Apa skrip yang dicerita dalam skrip tu, -- kita boleh menjiwai seperti watak apa, kita boleh menjiwai, dan watak apapun kita buleh [boleh]. Skrip tu yang beri jiwa kepada kita. Skrip tu penting. -- Ha [ mengiyakan] tu penting untuk pelakon-pelakon iaitu skrip. Pasal tu, dio [dia] -- ada penulis skrip terbaik. Haa, dia ada penuis skrip terbaik pasalnya skrip tu yang memberi watak, memberi apa, jiwa kepada kita untuk bowok [bawa] peranan dalam filem ataupun drama. Skrip tu yang penting. Nombor satu [1].

MSH : **Seterusnya, adakah encik mempunyai sebarang pencapaian yang anda anggap sebagai kejayaan terbesar dalam kerjaya lakonan encik? Apa yang membuat pencapaian tersebut begitu istimewa bagi encik?**

ER : Okay, dale [dalam] segi lakone [lakonan], takdok [tiada] lagi. Cuma, -- dale [dalam] segi lawok [lawak] jenaka pernah dapat penghargaan daripada Jabatan Belia Negeri Kelantan. Haa, dalam lakone [lakonan] takdok [tiada] lagi. Biaso [biasa] sajo [saja]. Lakone [lakonan] takdok [tiada]. Biasa. Pengikitrafan takdok [tiada] dale [dalam] pihak, takdok [tiada] la.

MSH : **Bagaimana encik melibatkan diri dalam aktiviti di luar industri lakonan yang memberikan sumbangan positif kepada masyarakat atau alam sekitar?**

ER : Pokcik [pakcik], dia kena ada macam dengan Persatuan Anak Seni Kelate [Kelantan], mace [macam] mangsa banjir semo [semua] kita bowok [bawak] kade-kade [kadang-kadang] -- kita bawak bantuan yang kita mintak daripada penaja-penaja kito [kita] bowok [bawak] gi la. Itu luar dalam bide [bidang] lakone [lakonan] la.

MSH : **Seterusnya, adakah terdapat watak atau projek yang telah memperoleh pengiktirafan atau anugerah yang encik rasa sangat penting dalam mengukuhkan reputasi profesional encik? Apakah perasaan encik apabila kerja keras encik diiktiraf oleh industri?**

ER : Okay, watak yang diiktiraf dari segi lakone [lakonan], dari segi tu, takdok [tiada] lagi. Cuma -- dale [dalam] teater, tu ada. Teater "Tok Janggut" yang ditayangkan di Kuala Lumpur, Penang, yang pakcik lakonkan bersama arwah Haji Salleh, Sabri Yunus, ha itu pasal dibuat di u [universiti] ha, USM [Universiti Sains Malaysia] yang mengiktirafkan teater tu. Makna kata, -- pokcik [pakcik] bangga, tapi bukan pokcik [pakcik] la, semua pelakon-pelakon teater tu dapat pengiktirafan la. (bunyi burung)

MSH : **Seterusnya, bagaimana encik menghargai kerjasama dengan rakan sekerja dan pasukan produksi dalam mencapai kejayaan projek lakonan? Adakah encik mempunyai pengalaman yang memberikan**

**encik kepuasan kerana dapat bekerjasama dengan individu yang hebat?**

ER : Okay, kita sebenarnya berlakon, kita kade-kade [kadang-kadang] -- berlakon filem, seorang pengarah tu cakap ha [berfikir] "abang, abang kena berlakon dengan star [bintang] ha [berfikir] apa, Nasir Bilal Khan", macam dengan haa [berfikir] banyaklah tu, kita rasa bangga pasal apa, -- kita dapat belajar daripada diore [diorang] tu. Ha, kita dapat belajar daripada diore [diorang] tu, apa watak-watak yang diore [diorang] bowok [bawa], diore [diorang] akan ajar kita watak-watak macam ni, ha dia akan ajar kita. Ha tu yang penting tu. Ha meme [memang] kita kena berlakon dengan pelakon-pelakon yang star [bintang], pasal apa, pasal kita dapat menjiwai watak tu, diore [diorang] bagi kita pelajare [pelajaran] untuk kita memahami untuk kita menjiwai watak-watak tu. Tapi kalu [kalau] pelakon-pelakon star [bintang], tok [tak] bagi arahe [arahan] kepada kita, dio [dia] wak [buat] diye [diam] -- apa semua tu, itu kita tidak berasa happy [gembira] tidak banggo [bangga] tapi kita nok [nak] dekati dio [dia], kerana kit ani kecik [kecil] sangat tapi pelakon-pelakon star [bintang] ni, Jalaluddin Hassan, pokcik [pakcik] pernah berlakon dengan dia, dia okay. Diao yak [bagitahu] mace [macam] ni, mace [macam] ni, jadi kita berasa happy [gembira], berasa puas hati la. Ha itu sebenarnya. (bunyi kertas)

MSH : **Ha soalan seterusnya adalah, adakah encik pernah menerima sebarang komen positif atau pengakuan dari peminat atau penggemar yang membuat encik terasa bangga dengan sumbangan dan usaha anda dalam dunia lakonan?**

ER : Okay, banyok [banyak] kade-kade [kadang-kadang] ada jugok [juga] yang komen, yang puji, situ kita rasa banggo [bangga]. Ada juga ore [orang] komen -- yang tok [tak] sedak [seronok], tok [tak] jadi pun, ada jugok [juga]. Jadi kito [kita] kat situ, pasal komen tu banyak komen, komen yang dia puji kita komen yang kutuk kita, tapi kena terimo [terima] la. Kadang-kadang bukak [buka] komen kita takut. Takut nok [nak] buka komen. Takut

dia kutuk. Kalu [kalau] dia puji takpo -- [tak apa] la, ni dia kutuk. Tapi terpaksa buka jugok [juga].

MSH : **Bagaimana encik berusaha untuk terus berkembang (bunyi kereta) sebagai pelakon dan mencapai sasaran yang lebih tinggi? Adakah encik mempunyai matlamat yang jelas yang ingin dicapai dalam kerjaya lakonan encik?**

ER : Okay, skare [sekarang] ni raso [rasa] pokcik [pakcik] ni takdok [tiada] tu nak capai apo-apo [apa-apa] dah. Faktor usia, kade-kade [kadang-kadang] ore [orang] panggil pun, pokcik [pakcik] tolak, tokse [taknak] dah. Pokcik [pakcik] tumpu kepada perniagaan dah. Lakonan ni, -- kito [kita] ore [orang] tua ni, letih sangat, kade-kade [kadang-kadang] tok [tak] pade [padan] nga [dengan] kito [kita] panas, apa semuo [semua] tu, tok [tak] pade [padang] dengan usio [usia] kito [kita].

MSH : **Adakah encik mempunyai sumbangan atau kerja sukarela dalam komuniti seni atau pendidikan lakonan yang memberikan peluang kepada bakat muda atau mereka yang memerlukan? Bagaimana encik melibatkan diri dalam usaha ini?**

ER : Okay, kade-kade [kadang-kadang] pihak RTM [Rancangan Televisyen Malaysia] tu dia panggil pokcik [pakcik] untuk jadi juri haa [berfikir] dia pernah buat juri untuk pertandingan lawak jenaka, -- pokcik [pakcik] dulu juri la ha tu kade-kade [kadang-kadang] kita bagi sumbangan lah ko [kepada] dio [dia], ko [kepada] pelawak-pelawak nok [nak] melonjak naik, nak buat mace [macam] mano [mana], mace [macam], mano [mana] itu la.

MSH : **Apakah hasrat dan impian encik dalam kerjaya lakonan? Bagaimana encik berharap untuk memberi sumbangan yang lebih besar dalam industri ini dan mempengaruhi penonton dengan persembahan encik?**

ER : Okay, sekarang ni mace [macam] pokcik [pakcik] oyak [cakap] tadi la, dengan faktor usia tu takdok [tiada] dah la. bide [bidang] lakone [lakonan] pun, pokcik [pakcik] banyak tolok [tolak] doh [dah], ore [orang] pun banyok [banyak] tok [tak] panggil doh [dah]. Banyak doh [dah], tok [tak] panggil, supo [macam] dulu. Dulu ada sebule [sebulan] -- ada tigo [tiga] [3]

pokcik [pakcik] panggil jadi emcee [pengacara] di mano-mano [mana-mana] la, jadi emcee [pengacara] di istano [istana] apo [apa], di hotel-hotel, banyok [banyak]. Loni [sekarang], maknanyo [maknanya] dalam sbule [sebulan] ado [ada] satu [1] sekali, haa haa [berfikir] drama kade-kade [kadang-kadang] diore [diorang] panggil pun -- watok-watok [watak-watak] kecik [kecil] pakcik pergi, watak-watak besar mencabar, pokcik [pakcik] tolok [tolak] la, tok [tak] cekak [larat], letih doh [dah], tokse [taknak] doh [dah].

**TAMAT BAHAGIAN 6**

**BAHAGIAN 7: NASIHAT DAN HARAPAN UNTUK PELAKON**

MSH : **Berdasarkan pengalaman encik dalam industri lakonan, apa nasihat terbaik yang encik anda boleh berikan kepada bakat muda yang ingin mengejar kerjaya dalam bidang lakonan?**

ER : Haaa [berfikir], sebenarya kita sebagai seorang artis ataupun pelakon, apabila menjadi pelakon atau pun jadi artis, -- ego [egois] tu lebih. Yang ego [egois] tu takdapat nok [nak] buwe [buang] tu. Mace [macam] skare [sekarang] pun, artis dikir barat pun ego [egois] doh [dah]. Contohnya, artis dikir barat, bukei [bukan] artis kebangsaae [kebangsaan]. Artis dikir barat tapi ego [egois] doh [dah]. Apabila ego [egois] tu yang menjadi masaaloh [masalah]. -- Ego [egois] kadei-kadei [kadang-kadang] dio [dia] jupo [jumpa] nga [dengan] kito [kita], artis lama, dio [dia] baru, dio [dia] tok [tak] layey [layan]. Tu artis dikir barat.-- Ha tapi artis-artis yang seangkate [seangkatan] dengan pokcik [pakcik] hok [yang] mace [macam] dengan artis kebangsae [kebangsaan] mace [macam] dengan Dato' Siti Nurhaliza, Alhamdulillah dengan pokcik [pakcik] dia baik. Misha Omar, apo [apa] semo [semua], pokcik [pakcik] baik belako [semua] tu. Alhamdulillah, diore [diorang] tok [tak] ego. [egois] -- Pasal tu dio [dia] maju daripada dulu sapa [sampai] sekare [sekarang] dio [dia] maju. (bunyi motosikal) Kalau

artis hanyo [hanya] buat satu album, -- meme [memang] out [tidak baik] habis. Ego [egois] lah dia maknanya, -- berasa dia hebat jadi artis. Sebenarnya, artis tok [tak] hebat, bukei [bukan] hebat artis ni.

MSH : **Bagaimana encik menghadapi cabaran dan rintangan dalam kerjaya lakonan? Apakah nasihat encik bagi pelakon yang menghadapi kegagalan atau ketidakpastian dalam industri ini?**

ER : Ha okay, yang tu sebenarnya berlakon dan kegagale [kegagalan] ni sebenarnya kita kena bagi semangat ko [kepada] dio [dia]. Baiki caro-cara [cara-cara] lakone [lakonan] dio [dia]. Jange [jangan] ego. [egois]. Jange [jangan] lawe [lawan]. Disiplin nombor satu [1] mace [macam] -- pokcik [pakcik] kato [cakap] saknih [tadi]. Disiplin nombor satu [1]. Itu yang penting dalam lakonan sebenarnya.

MSH : **Adakah terdapat nasihat penting yang anda peroleh dalam perjalanan kerjaya lakonan encik yang telah membantu encik tumbuh dan berkembang sebagai pelakon? Adakah encik ingin berkongsi nasihat tersebut kepada bakat-bakat lain?**

ER : Ha hmm [berfikir], dio [dia] apo [apa], tu pokcik [pakcik] sebenarnya banyok [banyak] haa [berfikir] sebabnya ore [orang] dulu, -- *star-star* [bintang-bintang] dulu banyok [banyak] la haa [berfikir] pokcik [pakcik] pernoh [pernah] berlakon tapi lupo [lupa] 00 la namo [nama] star [bintang banyok [banyak] nama-nama yang ninggal [meninggal] dengan apo [apa] dioo [dia] -- bagi nasihat ko pokcik [pakcik] sebenarnya kito [kita] pelakon watak yang penting dio [dia] oyak [cakap]. Watok [watak] yang penting, meme [memang] watok [watak] tu kito [kita] keno [kena] apo [apa] mencabar watok [watak] tu. Kalu [kalau] kito [kita] tok [tak] menghayati watak tu maka bermakno [bermakna] kito [kita] gaga. Watok [watak] penting, disiplin penting. Kalu [kalau] misale [misalnya] kita kato [cakap] ha *shooting* [pengambaran] maso [masa] pukul spuloh [sepuluh] [10], pukul smile [Sembilan] [9] keno [kena] ado [ada] doh [dah]. Situ keno [kena] ado [ada] doh [dah]. Sebenarnya, drama ni menyusohkei [menyusahkan]. Pukul spuloh [sepulu] [10] dio [dia] suruh gi [pergi], kei

[kan] kito [kita] gi [pergi] doh [dah], pukul tigo [tiga] [3] baru dio [dia] *shoot* [pengambaran] hok [yang] kito [kita]. -- Abih [habis] pukul ney [enam] [6] pete [petang], itu yang memenatkei [memenatkan]. Hoktu [ yang tu] kalau ore [orang] berumur, toksoh [jangan] la, tokse [taknak] doh [dah]. Tok [tak] padei [padan].

MSH : **Bagaimana encik mengekalkan semangat dan motivasi dalam industri yang kadang-kadang penuh dengan penolakan dan cabaran? Apakah teknik atau cara yang encik anda gunakan untuk mempertahankan semangat dan kegairahan encik sebagai pelakon?**

ER : Hmm [berfikir] masa skare [sekarang] ni, pokcik [pakcik] doh [dah] takdok [tak ada] apo [apa] doh [dah]. -- Tak ada apo-apo [apa-apa] kalu [kalau] dari segi lakone [lakonan] teknik apa semo [semua] tulah takdok [tak ada] pasal kalu [kalau] dulu tu meme [memang] la ado [ada] ha dulu kito [kita] ado maso mudo [muda] dulu umur pak [4] pulohey [puluhan] [40-an], haa [berfikir] limo [lima] pulohey [puluhan] [50-an] tu ado [ ada] tapi sekarang umur lebih kure [kurang] pokcik [pakcik] ni makno [makna] -- hoktu [yang tu] pokcik [pakcik] tok [tak] penting doh [dah]. Kiro [kira] buwey [buang] takdok [tiada] apo [apa] doh [dah].

MSH : **Apakah harapan encik untuk industri lakonan pada masa depan? Adakah terdapat perubahan atau perkembangan tertentu yang encik harapkan akan terjadi, baik dalam proses kreatif atau isu-isu yang dihadapi oleh pelakon?**

ER : Okay, tidak melibatkei [melibatkan] pokcik [pakcik] la hok [yang] tu deh? [kan]. Meme [memang] la kito [kita] sebagai rakyat Malaysia kade-kade [kadang-kadang] filem kito [kita], filem Malaysia ni tadok [tiada] perubahe [perubahan]. Mace [macam] penulis skrip pun dio [dia] buat hanya filem di Malaysia ni hanya filem bercinta. -- Buko [buka] tv [siaran] satu [1], tv [siaran] duo [2], Astro pun bercinta filem tu. Takdok [tiada] hok [yang] lain. Maknanya, di situ keno [kena] ado [ada] perubahe [perubahan] la tapi tu untuk penulis skrip. Pasal apo [apa], dio [dia] tiap-tiap cerito [cerita], produser cerita dio [dia] wak [buat] cerito [cerita], dio [dia] akan bagi

kepada penulis skrip. -- Penulis skrip ni la yang akan buat jale [jalan] crito [cerita]. Jadi, dio [dia] akan seroh [serah] balik kepado [kepada] produser filem, suruh baco [baca]. Baco [baca], kalu [kalau] tok [tak] puas hati, dio [dia] seroh [serah], bekki [baiki] balik. Kalu [kalau] kito [kita] tengok mace [macam] nge [dengan] Malaysia, filem, Malaysia ni tidok [tidak] meningkat naik, hanya duduk mendatar macam tu sajo [sahaja], nak dibandingkei [dibandingkan] dengan negaro [negara] lain, filem Thailand, apa ti, dio [dia] -- berbezo-bezo [berbeza-beza] filem. Mace [macam] filem Malaysia takdok [tiada] berbezo-bezo [berbeza-beza] Indonesia pun berbeza-beza, Filippin [Filipina] pun berbeza-beza. Dio [dia] ado [ada] watak-watak kotor, pelakon-pelakon dio [dia] kutip sapoh [sampah]. Pelakon Malaysia takdok [tiada] kotor. Bersih sokmo [selalu]. Rumoh [rumah] buat banglo juto-juto [juta-juta] duduk, tengok filem Filipin [Filipina], Thailand, rumoh [rumah] kayu pape [papan], Lorong-lorong kotor, (tunjuk isyarat jari), tu baru filem. Tengok dio [dia], Malaysia sebenarnya yang pokcik [pakcik] tahu dulu, Malaysia sebenarnya nok [nak] tunjuk kemajuan Malaysia dan kekayae [kekayaan] rakyat Malaysia. Kalu [kalau] drama-drama la. -- Hok [yang] tu pasal apo [apa], banglo, semo [semua] banglo, keto-keto [kereta-kereta] mewoh [mewah] Merc [Mercedez] semua dio [dia] wak [buat] tu Dato', Tan Sri, main golf, ha tu Malaysia, daripada dulu lagi. Tu dengar, pasalnyo [pasalnya] penulis skrip oyak [bagitahu] tu sebabnyo -- [sebabnya] nok [nak] menunjukkei [menunjukkan] negara Malaysia ni hebak [hebat] kepado [kepada] negara Asia. Ha tu filem-filem Malaysia, meme [memang] dio [dia] wak [buat] banglo, rumoh [rumah] besar besar ni (isyarat tangan) rumoh. Keto [kereta] mewoh [mewah], main golf, Dato' Datin, negara lain takdok [tiada]. Jale [jalan] kaki, kutip sapoh [sampah] berlakon lakon gapo [apa] ha tu Malaysia silap situ, filem tak kemana.

MSH : **Bagaimana encik menguruskan peranan sebagai pelakon dengan kehidupan peribadi anda? Adakah terdapat nasihat atau pendekatan**

**yang encik gunakan untuk mencapai keseimbangan antara kerjaya dan kehidupan peribadi yang memuaskan?**

ER : Okay, dio [dia] kade-kade [kadang-kadang] kito [kita] ni seore [seorang] pelakon, kade-kade [kadang-kadang] -- kita keluar daripada rumoh [rumah] masa kito [kita] top [terkenal] dulu, kito [kita] ore [orang] kenal dulu, kito [kita] kena jaga disiplin kito [kita], kita jangan ego, apabila ore [orang] panggil nok [nak] bergambar, kita kena pergi, layey [layan] -- walaupun kita nak maroh [marah] sekalipun banyak kito [kita ] kena layan, haa [berfikir] tu di luar kehidupe [kehidupan] kito [kita], di luar lakone [lakonan] pulok [pulak] mace pokcik [pakcik kato [cakap] tadi, disiplin kito [kita] keno [kena] jago [jaga] la. Maknonyo [maknanya] ore [orang] bayar ciput pun kito [kita] keno [kena] gi [pergi]. Kalu [kalau] dio [dia] bayar lebih sikit tu, Alhamdulillah.

MSH : **(bunyi kertas) Okay seterusnya, apakah nasihat yang encik ingin berikan kepada pelakon yang ingin menjelajahi pelbagai genre atau jenis watak dalam kerjaya mereka? (bunyi kereta) Bagaimana mereka dapat mengembangkan kepelbagaian dan fleksibiliti dalam lakonan?**

ER : Dio [dia] pelakon, dia watok-watok [watak-watak] pelakon ni, pelakon serba boleh ni, jare [jarang] kito [kita] jupo [jumpa] di Malaysia, -- pelakon serba boleh. Hanya dulu, P.Ramlee, pelakon serba boleh. Yang loni [sekarang] ni, misale [misalnya] watak-watak sajo [sahaja] yang sesuai dengan pelakon sekarang ni. Watak apa sesuai, watak dato' sesuai dengan dia tapi watak lain tak sesuai mana pun, tapi buleh [boleh] bowok [bawa], tapi tak sesuai mano [mana] la kalau watak dato, tengok macam Jalaluddin Hassan tu okay, dia okay, watak apa pun dia boleh bawa. Ayoh [ayah], dato', jahat, apapun dia boleh bowok [bawa] tapi mace [macam] tu -- kita nak bagi nasihat, nok [nak] bagi tips ko [kepada] diore [diorang] tu tokleh [tak boleh] pasalnyo [sebabnya] kito [kita] apo [apa ] ni, atas diri masing-masing, dio [dia] boleh bowok [bawa] ko [ke], dio [dia] tokleh [tak boleh] bowok [bawa].

MSH : **Bagaimana pentingnya pendidikan (bunyi kereta) lanjutan atau latihan dalam perkembangan seorang pelakon? Apakah nasihat encik bagi pelakon yang ingin terus memperbaiki kemahiran mereka dan mengembangkan rentetan kerjaya yang berjaya?**

ER : Yang tu, mace [macam] pokcik [pakcik] kato [bagitahu] tadi, pelakon-pelakon sebenarnya sebelum kita berlakon sebenarnya, sebelum kita berlakon drama atau filem, teater nombor satu [1], teater. Sabik [sebab] itu, kita tubuh satu apa, -- ASWARA [Akademi Seni Budaya Dan Warisan Kebangsaan], dok? [kan]. ASWARA [Akademi Seni Budaya Dan Warisan Kebangsaan] ni bertaraf U [universiti] tu. Situ dapat ijazah diploma tu, seni lakone [lakonan], dio [dia] takdok [tiada] yang lain doh [dah] -- situ. Seni lakone [lakonan]. ASWARA [Akademi Seni Budaya Dan Warisan Kebangsaan] tu. Sekare [sekarang] pelakon-pelakon ni dio [dia] ado [ada] sijil daripada ASWARA Akademi Seni Budaya Dan Warisan Kebangsaan]. Pasal tu, kita tengok pelakon-pelakon baru dio [dia] boleh menjiwai watak dio [dia]. Tak perlu belajar dengan ore [orang] lain, tak perlu. Pasal [sebab] apa dio [dia] di ASWARA [Akademi Seni Budaya Dan Warisan Kebangsaan] tu, semo [semua] industri lakone [lakonan], teater, ha apo [apa] [berfikir], Mok [mak] Yong, apa semo [semua] dio [dia] ado [ada]. Ha ASWARA [Akademi Seni Budaya Dan Warisan Kebangsaan]

MSH : **Apakah nasihat encik bagi pelakon yang berharap untuk menjalin kerjasama dengan pengarah atau pelakon terkenal dalam industri ini? Bagaimana mereka dapat memanfaatkan hubungan tersebut untuk memperluas rangkaian profesional mereka?**

ER : Okay, hok [yang] tu kito [kita] keno [kena] ramah dengan dio [dia] la. Selalu berhubun, selalu bertanya ado [ada] ke dok [tak] drama nok [nak] buat, ada ke dok [tak], kalu [kalau] nak buat, kalu [kalau] ada, boleh ke panggil, mace [macam] tu la. Selalu kito [kita] berhubung la, -- talifon [hubungi], jange [jangan] putus putus seminggu sekali tanya khabar dio [dia], ada nak buat apa-apa pengambare [pengambaran] ko [ke], kalu [kalau] ada kat mano [mana], kat Pahang apa sumo [semua] tu. dio [dia]

tanya kito [kita] nok [nak] ked ok [tak]. Kalu [kalau] kito [kita] kata [cakap] nok [nak], dio [dia] bagi, mace [macam] tu la. Kito [kita] rapat mace [macam] tu la denge [dengan] dio [dia], -- kito [kita] jange [jangan] putus nga [dengan] pengarah-pengarah mace [macam] nga [dengan] pokcik [pakcik] pun tok [tak] putus. Kade [kadang] tu, Sabri telefon [hubungi], kade-kade [kadang-kadang] sini dio [dia] mari [datang], Ebby Yus, Imuda, Zamri, Angeline Tan apa sumo [semua], mari [datang], mari [datang] belako [semua] keda [kedai]. Dio [dia] tahu pokcik [pakcik] jual sini, dio [dia] mari [datang] Klate [Kelantan], dio [dia] mari [datang], pasal [sebab] pokcik [pakcik] pernoh [pernah] sebenarnya buat *show* [pertunjukan] dengan Dato' Siti Nurhaliza, dio [dia] kena, skare [sekarang] pun dio [dia] kenal, pernoh pernah] duduk sekali (bunyi kereta) maso [masa] tu adik tok [tak] ingat pasalnyo [sebabnya] lamo [lama]. Tahun duo [2] ribu pak [4] [2004]. Ha gapo [apa] lagi dik? [adik]

MSH : **Soalan terakhir ialah, apakah harapan dan impian encik sendiri dalam kerjaya lakonan? Bagaimana encik berharap untuk terus berkembang sebagai pelakon dan apa yang anda ingin mencapai dalam jangka panjang?**

ER : Sekarang ni pokcik [pakcik] tidak tumpu dalam bidang lakone [lakonan], -- tok [tak] tumpu doh [dah] la, pokcik [pakcik] tumpu dale [dalam] bide [bidang] perniagaey [perniagaan], sekare [sekarang] ni, lakonan pokcik [pakcik] tok [tak] tumpu doh [dah], tu cuma kalu [kalau] ado [ada] ore [orang] panggil yang ringan-ringan tu, *scene* [pengambaran] ringan-ringan tu pokcik [pakcik] gi [pergi] la. – Cumo, [Cuma] di dalam Klate [Kelantan]. Luar dari Klate [Kelantan] pokcik [pakcik] tok [tak] gi [pergi] la, letih sangat. Tu je [sahaja] la. -- Abih [habis] doh? [dah]

NB : Saya bagi ayat penutup eh? [ya]

ER : Hmm hmm [bersetuju]

NB : Dengan ini, tamatlah sesi temubual mengenai pengalaman dan sumbangan haa [berfikir] Encik Ramlee bin Ab Sallam di sepanjang haa [berfikir] perkhidmatan beliau sebagai pelakon. (bunyi motosikal). Kami

mengucapkan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang lakonan untuk para penggiat seni pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

## RUJUKAN


Ramlee Bin Ab Sallam. (2023, 29 July). Interviewed by Mohamad Shahdan Hashraf Bin Ismail & Nurin Balqis Binti Mazeri. Kelantan: Kedai Makan Tunjong

Ramlee Bin Ab Sallam. [@Che Awe]. (n.d.). Facebook [Facebook profile]. Retrieved Mac 26, 2023, Retrieved from https://www.facebook.com/che.awe.37

Kawahbuku. (2015). Filem Melayu: Citra Budaya dan Rakaman Sejarah. Retrieved from https://kawahbuku.com/titles/filem-melayu-citra-budaya-dan-rakaman-sejarah/

Fajar M. (2023). Perfileman Malaysia. Wikipedia. Retrieved from https://ms.wikipedia.org/wiki/Perfileman_Malaysia

Shukri, F. M. (2020). Perkembangan Industri Filem Nasional Malaysia (1933 – 1989). Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication, 36(2), 135-151. Retrieved from http://journalarticle.ukm.my/16864/1/41437-132491-1-SM.pdf

Majalah Filem. (1968, April). Bilangan 97 tahun kesembilan. Retrieved from http://ofa.arkib.gov.my/ofa/group/asset/1070754

Berita Filem. (1966, February). Bilangan 63. Retrieved from http://ofa.arkib.gov.my/ofa/group/asset/1070754

Berita Filem. (1966, February). Bilangan 62. Retrieved from http://ofa.arkib.gov.my/ofa/group/asset/1070754

Seribu Ombak. (2018, October 4). CABARAN & STANDARD INDUSTRI PERFILEMAN MELAYU DALAM DUNIA PERFILEMAN. Retrieved from https://seribuombak.wordpress.com/2018/10/04/cabaran-standard-industriperfileman-melayu-dalam-dunia-perfileman/

# LAMPIRAN

# LOG WAWANCARA

Nurin Balqis binti Mazeri dan Mohamad Shahdan Hashraf bin Ismail telah menemubual Encik Ramlee bin Ab Sallam, yang dilahirkan pada 20 Julai 1960 di Tunjong, Kelantan, Malaysia. Tembual ini dijalankan pada 21 Jun 2023 pada jam 3.00 petang, mengenai latar belakang, bidang kerja, cabaran dalam bidang lakonan, sumbangan dan pencapaian dalam dunia lakonan, dan nasihat dan harapan untuk pelakon.

| MASA | SUBJEK | NAMA/TEMPAT/RUJUKAN |
|---|---|---|
| **BAHAGIAN PENGENALAN** | | |
| 0:00 | Sesi pengenalan bersama tokoh | • Lokasi temubual (Tunjong, Kelantan)<br>• Nurin Balqis binti Mazeri<br>• Mohamad Shahdan Hashraf bin Ismail |
| **BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG TOKOH** | | |
| 0:41 | Menyatakan nama penuh dan nama samaran tokoh | • Ramlee bin Ab Sallam<br>• Che Awe Salam Pantai Timur |
| 1:18 | Menyatakan umur tokoh | • 63 tahun |
| 1:26 | Menyatakan nama isteri tokoh | • Zakiah binti Sarip |
| 1:40 | Menyatakan nama ibu dan bapa tokoh | •<br>• |
| 1:53 | Menyatakan negeri kelahiran tokoh | • Kelantan |
| 2:00 | Menyatakan bilangan adik-beradik tokoh | • Yang ke-2 daripada bilangan adik-beradik |
| 3:28 | Menyenaraikan nama-nama anak tokoh | • Nini<br>• Hafiz<br>• Nazri<br>• Ida |

| BAHAGIAN B: LATAR BELAKANG PENDIDIKAN | | |
|---|---|---|
| 4:38 | Menyatakan tahun tokoh memulakan persekolahan | • 1967 |
| 4:47 | Menyatakan mata pelajaran yang tokoh minati semasa di sekolah rendah. | • Bahasa Melayu<br>• Sejarah |
| 5.00 | Menyatakan guru kegemaran tokoh dan sebab meminati beliau | • Cikgu Yusuf<br>• Cikgu Saupi<br>• Akrab dan rapat dengan murid |
| 5:57 | Menyatakan sekiranya tokoh menceburi bidang sukan semasa di sekolah | • Olahraga 100 meter |
| 6:12 | Menyatakan senarai nama sekolah tokoh | • Sekolah Kebangsaan Paya Bemban<br>• Sekolah Menengah Kebangsaan Putera<br>• Sekolah Menengah Kebangsaan Ismail Petra |
| **BAHAGIAN C: BIDANG KERJAYA AWAL** | | |
| 9:28 | Menyatakan pekerjaan pertama tokoh | • Kerja Dunlop (Tilam) |
| 10:32 | Menyatakan umur tokoh semasa pekerjaan pertama | • 19 tahun |
| 11:08 | Menyatakan jawatan yang disandang semasa pekerjaan pertama | • Pembantu Kedai |
| 11:19 | Menyatakan faktor tokoh berpindah daripada kerjaya awal ke bidang lakonan | • Kerja tidak tetap<br>• Tidak menjamin masa depan |
| 12:24 | **Menyatakan bagaimana tokoh menguruskan peralihan daripada kerjaya awal ke dalam industri lakonan** | • Pengalaman pertama berlakon berasa seronok dan puas. |

| BAHAGIAN D: BIDANG KERJAYA SEMASA | | |
|---|---|---|
| 13:31 | Menyatakan tahun tokoh menceburi bidang lakonan | • 1993 |
| 14:20 | Menyatakan tempoh yang diambil untuk tokoh mahir dalam bidang lakonan | • 4 atau 5 tahun |
| 14:43 | Menyatakan bilangan cerita yang pernah tokoh lakonkan | • 25 cerita |
| 15:28 | Menyatakan cerita pertama yang tokoh lakonkan | • Sebiru Warna Laut |
| 15:44 | Menyatakan tahun cerita pertama yang dilakonkan | • 2008 |
| 16:05 | Menyenaraikan antara cerita dan filem yang tokoh lakonkan | • Sebiru Warna Laut<br>• Butang Baju Melayu<br>• Pendekar Durian Lempuk<br>• Tumpat Berdarah<br>• Pokya Cong Codei<br>• Duan Naga Boro |
| 16:40 | Menyatakan tahun tokoh berkecimpung dalam bidang lakonan | • 19 tahun |
| 16:50 | Menyatakan watak pertama yang tokoh lakonkan | • Watak pembantu<br>• Ayah |
| 18:06 | Menyatakan siapa yang mendorong tokoh untuk terus menceburi bidang lakonan | • Deejay RTM Kota Bharu (Nor Jaafar)<br>• Arwah Pok Sid dan Pok Ya |
| 19:00 | Menyatakan bagaimana tokoh memilh watak yang tokoh ingin lakonkan | • Pilih watak yang sesuai untuk menjiwai watak itu |
| 20:24 | Menyatakan teknik khusus tokoh gunakan untuk membawa perasaan watak dalam kehidupan | • Kena ikut dan faham skrip |

| | | |
|---|---|---|
| 22:01 | Menyatakan pelakon atau pengarah yang tokoh kagumi dan ingin bekerjasama dengan mereka | • Nasir Bilal Khan |
| 23:21 | Menyatakan bagaimana tokoh melatih diri untuk berperanan dalam watak yang berbeza | • Kena menjiwai watak |
| 26:46 | Menyatakan program latihan atau khusus yang tokoh pertimbangkan untuk melengkapkan kemahiran sebagai pelakon | • Kelas teater |
| 30:12 | Menyatakan peranan yang paling mencabar pernah tokoh lakonkan | • Pendekar |
| 32:00 | Menyatakan faktor-faktor yang memperngaruhi tokoh menolak tawaran berlakon | • Bayaran terlalu sedikit |
| **BAHAGIAN E: CABARAN DALAM DUNIA LAKONAN** | | |
| 32:38 | Menyatakan bagaimana tokoh mengatasi cabaran untuk berperanan dalam watak-watak yang berbeza daripada diri tokoh sendiri | • Faham skrip<br>• Menghayati watak |
| 33:31 | Menyatakan tokoh menangani cabaran dan menjaga kecekapan, keseimbangan antara kerjaya dan kehidupan peribadi | • Hanya tumpu dalam bidang lakonan |
| 34:53 | Menyatakan cara tokoh mempersiapkan diri secara fizikal untuk mengatasi cabaran ini dan memastikan keselamatan diri anda serta yang lain | • Kena banyakkan latihan<br>• Contohnya, sebagai pendekar |
| 38:16 | Menyatakan cara tokoh memastikan setiap persembahan tetap segar dan mencerminkan kesetiaan terhadap watak yang dilakonkan. | • Kena gembira semasa pengambaran<br>• Kosongkan minda |
| 39:13 | Menyatakan cara tokoh cabaran. Bagaimana encik mengatasi cabaran dalam lakonan, terutama jika tokoh perlu berlakon dalam bahasa yang bukan ibunda tokoh ini | • Perlu buat Latihan yang berulang-ulang |

| | | |
|---|---|---|
| | memastikan penyampaian yang tepat dan berkesan dalam pelbagai bahasa? | |
| **BAHAGIAN F: SUMBANGAN DAN PECAPAIAN DALAM DUNIA LAKONAN** | | |
| 42:07 | Menyatakan sumbangan terbesar tokoh kepada bidang lakonan dan projek yang paling memberi impak kepada kerjaya tokoh | • Sitkon Salam Pantai Timur<br>• Saingan Senario |
| 44:32 | Menyatakan pencapaian terbesar dalam kerjaya tokoh | • Penghargaan Pelawak<br>• Persatuan Belia Negeri Kelantan |
| 45:11 | Menyatakan penglibatan tokoh dalam aktiviti luar bidang lakonan yang memberi impak positif kepada masyarakat dan alam sekitar | • Persatuan Anak Seni Kelantan |
| 45:49 | Menyatakan projek yang telah diiktiraf yang tokoh rasa penting dalam mengukuhkan reputasi professional tokoh. | • Teater Tok Janggut<br>• Diiktiraf oleh Universiti Sains Malaysia |
| 49:45 | Menyatakan sekiranya tokoh mempunyai matlamat yang jelas yang ingin dicapai dalam kerjaya lakonan tokoh. | • Tiada, kerana faktor usia.<br>• Hanya focus kepada perniagaan |
| 50:26 | Menyatakan bagaimana tokoh melibatkan diri dalam usaha kerja sukarela dalam komuniti seni atau pendidikan lakonan yang memberikan peluang kepada bakat muda atau mereka yang memerlukan | • Sebagai juri<br>• RTM Kota Bharu<br>• Pertandingan Lawak Jenaka |
| **BAHAGIAN G: NASIHAT DAN HARAPAN UNTUK PELAKON** | | |
| 52:01 | Menyatakan nasihat terbaik yang tokoh boleh berikan kepada bakat muda yang ingin mengejar kerjaya dalam bidang lakonan | • Buang perasaan egois. |
| 53:59 | Menyatakan nasihat penting yang tokoh peroleh dalam perjalanan kerjaya lakonan | • Kena ambil watak yang mencabar |

| | | |
|---|---|---|
| | tokoh yang telah membantu tokoh tumbuh dan berkembang sebagai pelakon | • Kena menghayati watak |
| 56:04 | Menyatakan harapan tokoh untuk industri lakonan pada masa depan | • Perubahan jalan cerita filem |
| 58:56 | Menyatakan nasihat atau pendekatan yang tokoh gunakan untuk mencapai keseimbangan antara kerjaya dan kehidupan peribadi yang memuaskan | • Kena berbuat baik dengan semua orang<br>• Disiplin dan teruskan lakonan |
| 61:09 | Menyatakan nasihat tokoh bagi pelakon yang ingin terus memperbaiki kemahiran mereka dan mengembangkan rentetan kerjaya yang berjaya | • Disiplin<br>• Sertai ASWARA (Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan) |
| 62:20 | Menyatakan nasihat tokoh bagi pelakon yang berharap untuk menjalin kerjasama dengan pengarah atau pelakon terkenal dalam industri ini | • Kena rapat<br>• Selalu berhubung<br>• Minta tunjuk ajar |
| **BAHAGIAN PENUTUP** | | |
| 64:27 | Sesi penutup bersama tokoh | • Lokasi temu bual (Tunjong, Kelantan) |

# DIARI KAJIAN

| TARIKH | MASA/ LOKASI | PERKARA | TINDAKAN |
|---|---|---|---|
| 20 Mac 2023 Isnin | 0800-1000 D408 | • Kami mendapat penerangan mengenai artis yang perlu dipilih mestilah veteran yang berumur 55 tahun ke atas daripada Puan Nurulannisa.<br>• Beliau juga menyatakan berapa orang ahli yang dibolehkan dalam satu kumpulan dan meminta kami segera untuk mencari pasangan masing-masing.<br>• Kami juga diberitahu bahawa sesi temu bual boleh dijalankan melalui bersemuka atau atas talian.<br>• Tema yang ditetapkan adalah artis Malaysia. | Catatan awal dilakukan untuk proses pencarian ahli kumpulan. |
| Isnin | 0800-1000 D408 | • Mendengar taklimat projek Bersama Puan Nurulannisa secara lebih terperinci. | Mencatat perkara yang penting. |
| 26 Mac 2023 Ahad | 1400-1500 Whatsapp | • Taklimat mengenai persiapan awal (preliminary preparation) telah diberikan oleh Puan Nurulannisa. | Membuat persiapan awal bagi sesi temu bual yang akan diadakan. |
| 26 Mac 2023 | Whatsapp & Facebook | • Mencari dan menyenaraikan pilihan tokoh-tokoh yang hendak ditemu bual bersama ahli kumpulan. | Mencari dan mencatat senarai nama-nama tokoh. |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 28 Mac 2023 Jumaat | 1830-1840 Panggilan Telefon | • Menghubungi tokoh-tokoh yang telah disenaraikan bagi mendapatkan kepastian tentang temu bual tersebut. | Menghubungi tokoh melalui telefon |
| 20 April 2023 Selasa | 2130-2300 Microsoft Word & Whatsapp | • Kami menyediakan preliminary preparation yang diberikan oleh Puan Nurulannisa.<br>• Berbincang dengan ahli kumpulan bagi pemilihan tema, tokoh, dan rangka soalan yang akan ditujukan kepada tokoh pada hari untuk temu bual nanti. | Menyiapkan tugasan dan berbincang dengan ahli kumpulan |
| 22 April 2023 Sabtu | 2145 Google Docs & Whatsapp | • Kami menyiapkan abstrak bersama ahli kumpulan. | Menyiapkan bersama ahli kumpulan. |
| 25 April 2023 | 2130-2320 Google Meet & Google | • Kami mencari bahan rujukan di internet dan laman sesawang seperti Research Gate dan Google bagi melengkapkan tinjauan literatur. | Mencari maklumat yang berkenaan. |
| 27 April 2023 Selasa | 1400-2300 Microsoft Word | • Kami menyiapkan rangka soalan untuk diberikan kepada tokoh sebelum ditemu bual.<br>• Menentukan tarikh dan masa temu bual bersama tokoh | Bincang bersama ahli kumpulan. |
| 27 Mei 2023 Sabtu | 2145 Google Classroom | • Kami menghantar rangka soalan kepada Puan Nurulannisa untuk semakan. | Hantar bentuk soalan. |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 20 Jun 2023 Selasa | 2030-2100 Kolej | • Kami memeriksa dan mencuba peralatan sebelum temu bual seperti mikrofon dan telefon. | Periksa dan cuba peralatan untuk temu bual |
| 21 Jun 2023 Rabu | 1445 Lokasi Temu Bual (Tunjong, Kelantan) | • Kami membuat persediaan awal sebelum temu bual bersama tokoh dijalankan seperti peralatan yang akan digunakan seperti telefon dan mikrofon. | Mencuba mikrofon sama ada berfungsi atau tidak. |
| 21 Jun 2023 Rabu | 1500-1600 Lokasi Temu Bual (Tunjong, Kelantan) | • Sesi temu bual bersama tokoh dijalankan. | Bertanya soalan yang telah disediakan. |
| 12 Julai 2023 Rabu | 1054 Whatsapp | • Puan Nurulannisa menyatakan tarikh untuk menghantar abstrak, proposal, preliminary preparation, transkrip, medium and recording information, diari kajian, dan artikel. | Memberi tarikh menghantar tugasan. |
| 29 Julai 2023 Sabtu | Google Classroom | • Kami menghantar abstrak, proposal, preliminary preparation, transkrip, medium and keperluan rakaman, diari kajian, dan artikel kepada pensyarah mengikut tarikh dan masa yang telah ditetapkan. | Menghantar tugasan. |

# SENARAI SOALAN

## BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

1. Bolehkah kami tahu nama penuh dan nama samaran encik? Jika ada?
2. Berapakah umur encik pada tahun ini?
3. Bolehkah kami tahu nama isteri encik?
4. Bolehkah kami tahu siapakah nama ibu dan bapa encik?
5. Dari negeri manakah ibu dan bapa encik berasal?
6. Berapakah bilangan adik beradik encik?
7. Adakah encik mempunyai adik beradik yang paling rapat?
8. Berapakah bilangan anak anak encik?
9. Adakah anak anak encik masih tinggal bersama encik?
10. Apakah makanan kegemaran encik?
11. Dimanakah tempat kelahiran encik? Adakah encik berasal dari negeri Kelantan ataupun encik telah berhijrah dari negeri lain?
12. Bolehkah encik senaraikan nama anak anak encik?
13. Pada tahun berapakah encik mendirikan rumah tangga encik?
14. Adakah adik beradik encik tinggal di kawasan sekitar atau di negeri lain?

## BAHAGIAN 2: LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

15. Tahun bilakah encik memulakan persekolahan?
16. Apakah matapelajaran yang encik minat semasa di sekolah rendah?
17. Adakah encik masih mengingati guru kegemaran encik sewaktu di sekolah
18. Mengapakah encik meminati beliau?
19. Adakah encik mempunyai rakan karib semasa di sekolah?
20. Adakah encik masih berhubung dengan beliau?

21. Adakah encik pernah menceburi bidang sukan semasa di sekolah? Jika pernah apakah sukan yang encik ceburi?
22. Adakah encik masih ingat dimanakah encik bersekolah? Jika ya, bolehkah encik senaraikan nama nama yang pernah encik bersekolah?
23. Tahun bilakah encik menamatkan pengajian encik?
24. Apakah kenangan manis yang paling diingati oleh encik ketika di peringkat sekolah menengah?
25. Adakah cita cita encik ketika, apakah cita-cita encik ketika di zaman persekolahan?
26. Adakah encik aktif dalam mana-mana kelab persatuan?
27. Apakah pencapaian encik yang tidak boleh encik lupakan dalam pendidikan?
28. Apakah yang sentiasa encik lakukan untuk berjaya dalam pendidikan?
29. Adakah encik pernah memberi tumpuan kepada aspek tertentu dalam seni persembahan, seperti teater, tarian, atau filem di zaman persekolahan encik?
30. Adakah encik pernah berhasrat untuk melanjutkan pengajian encik?

**BAHAGIAN 3: BIDANG KERJAYA AWAL**

31. Apakah pekerjaan pertama encik selepas tamat pengajian? Nyatakan pekerjaan yang pernah encik ceburi.
32. Boleh encik ceritakan serba sedikit tentang pengalaman kerjaya yang encik sebutkan tadi?
33. Berapakah umur encik ketika itu?
34. Mengapakah encik memilih untuk bersara dari pekerjaan yang sebelum ini?
35. Adakah encik mempunyai sebarang kenangan manis ketika bekerja di situ?
36. Apakah jawatan yang encik sandang ketika bekerja di sana?
37. Apakah faktor atau peristiwa yang memotivasikan encik untuk berpindah daripada bidang kerjaya awal encik kepada bidang lakonan?
38. Apakah yang membuat encik merasa tertarik dan yakin bahawa lakonan adalah bidang kerjaya encik?
39. Bagaimana encik menguruskan peralihan dari bidang kerjaya awal ke dalam industri lakonan?

40. Bagaimana encik menguruskan peralihan dari bidang kerjaya awal tadi ke dalam industri lakonan?
41. Adakah terdapat pengalaman atau kemahiran yang encik peroleh dari bidang kerjaya awal encik yang membantu encik dalam perjalanan sebagai pelakon?

**BAHAGIAN 4: BIDANG KERJAYA SEMASA**

42. Sejak bilakah encik menceburi bidang lakonan?
43. Sejak bilakah encik sedar bahawa encik mempunyai bakat dalam bidang tersebut?
44. Berapa lamakah masa yang diambil oleh encik untuk mahir dalam bidang lakonan ini?
45. Berapa banyak cerita yang pernah encik lakonkan?
46. Apakah cerita pertama yang encik lakonkan?
47. Berapa tahunkah encik berkecimpung dalam dunia lakonan ini?
48. Apakah watak pertama yang encik lakonkan?
49. Boleh encik ceritakan serba sedikit tentang filem pertama yang encik lakonkan?
50. Siapakah yang mendorong encik untuk terus menceburi dalam bidang lakonan sehingga kini?
51. Siapakah nama pengarah pertama yang menjemput encik untuk berlakon dalam ceritanya?
52. Bagaimana encik memilih watak yang ingin encik lakonkan?
53. Apa kriteria yang encik gunakan untuk membuat keputusan mengenai watak-watak yang sesuai untuk encik?
54. Bagaimana encik mempersiapkan diri untuk peranan yang mencabar emosi?
55. Adakah terdapat teknik khusus yang encik gunakan untuk membawa perasaan watak kepada kehidupan?
56. Kerjasama antara pelakon dan pengarah sangat penting dalam mencipta kesan yang kukuh. Bolehkah encik berkongsi pengalaman encik dalam bekerjasama dengan pengarah?
57. Adakah terdapat pelakon atau pengarah (bunyi kereta) yang encik kagumi dan ingin bekerjasama dengan mereka?
58. Mengapa encik tertarik untuk bekerjasama dengan mereka dan apa yang encik harapkan daripada kerjasama tersebut?

59. Kepelbagaian watak adalah penting dalam membina portfolio pelakon. Bagaimana encik melatih diri encik untuk berperanan dalam watak yang berbeza dan berlainan daripada diri encik sendiri?
60. Bagaimana encik menghadapi kegagalan atau kekecewaan dalam kerjaya lakonan?
61. Adakah terdapat cara khusus yang encik gunakan untuk menjaga semangat dan kepercayaan diri encik?
62. Bagaimana encik memperkukuhkan kemahiran lakonan encik secara berterusan?
63. Adakah terdapat program latihan atau kursus yang encik pertimbangkan untuk melengkapkan kemahiran encik sebagai pelakon?
64. Industri lakonan berubah dengan cepat. Bagaimana encik mengikuti perkembangan terkini dalam industri ini dan menyesuaikan diri dengan perubahan tren dan keperluan peranan baru?
65. Apa yang membezakan encik daripada pelakon lain?
66. Apakah ciri-ciri unik yang encik bawa ke dalam setiap peranan dalam lakonan?
67. Adakah adik beradik encik turut terlibat dalam bidang yang sama? Jika ada, berapa orang yang terlibat?
68. Adakah encik mempunyai sebarang projek masa depan?
69. Bagaimana perasaan encik ketika melakonkan peranan pertama encik dalam filem, drama, atau teater?
70. Apakah jenis peranan yang paling mencabar yang pernah encik lakonkan?
71. Apa peranan profesional yang lain yang encik pernah terfikir untuk cuba selain daripada menjadi pelakon?
72. Adakah terdapat aspirasi atau minat lain yang ingin encik teroka dalam industri hiburan?
73. Pernahkah encik menolak tawaran untuk berlakon? Kalau ada faktor-faktor yang mempengaruhi keputusan tersebut?

## BAHAGIAN 5: CABARAN DALAM DUNIA LAKONAN

74. Bagaimana encik mengatasi cabaran untuk berperanan dalam watak-watak yang berbeza daripada diri encik sendiri?

75. Penglibatan dalam projek lakonan sering kali melibatkan jadual yang padat dan kerja berjam-jam. Bagaimana encik menangani cabaran ini dan menjaga kecekapan dan keseimbangan antara kerjaya dan kehidupan peribadi?
76. Kritikan adalah sebahagian daripada perkembangan profesional. Bagaimana encik menghadapi cabaran menerima kritikan dan bagaimana encik menggunakan maklum balas tersebut untuk memperbaiki diri?
77. Cabaran dalam berlakon seringkali termasuk adegan yang emosional atau berbahaya. Bagaimana encik mempersiapkan diri secara fizikal dan mental untuk mengatasi cabaran ini dan memastikan keselamatan diri?
78. Sebagai seorang pelakon, encik mungkin perlu beradaptasi dengan perubahan skrip atau arahan yang baru. Bagaimana encik menghadapi cabaran ini dan menyesuaikan diri untuk menyampaikan persembahan yang berkualiti?
79. Industri lakonan adalah persaingan yang ketat. Bagaimana encik menghadapi cabaran untuk mendapatkan peranan yang diingini dan membangun kerjaya yang berjaya dalam dunia lakonan?
80. Cabaran lain yang dihadapi oleh pelakon adalah menjaga keaslian dalam persembahan watak yang sering kali diulang. Bagaimana encik memastikan setiap persembahan encik tetap segar dan mencerminkan kesetiaan terhadap watak yang dilakonkan?
81. Kemahiran bahasa juga merupakan cabaran dalam lakonan, terutama jika encik perlu berlakon dalam bahasa yang bukan ibunda encik. Bagaimana encik mengatasi cabaran ini dan memastikan penyampaian yang tepat dan berkesan dalam pelbagai bahasa?
82. Cabaran dalam membangun watak termasuk juga penelitian mendalam untuk memahami latar belakang dan kehidupan watak. Bagaimana encik menjalankan kajian dan mengatasi cabaran untuk memastikan encik dapat menghidupkan watak secara autentik?
83. Cabaran terakhir adalah menjaga motivasi dan semangat dalam industri yang sering kali tidak menentu. Bagaimana encik menghadapi cabaran ini dan bagaimana encik terus berusaha untuk berkembang dan berjaya sebagai pelakon?

**BAHAGIAN 6: SUMBANGAN DAN PENCAPAIAN DALAM DUNIA LAKONAN**

84. Boleh kongsikan sumbangan terbesar encik kepada bidang lakonan? Apakah projek yang paling memberi impak dalam kerjaya encik?
85. Bagaimana encik melihat peranan encik sebagai pelakon dalam menyampaikan mesej atau mempengaruhi penonton? Adakah terdapat peranan tertentu yang telah membolehkan encik menyampaikan mesej yang kuat atau memberikan impak yang mendalam?
86. Adakah encik mempunyai sebarang pencapaian yang anda anggap sebagai kejayaan terbesar dalam kerjaya lakonan encik? Apa yang membuat pencapaian tersebut begitu istimewa bagi encik?
87. Bagaimana encik melibatkan diri dalam aktiviti di luar industri lakonan yang memberikan sumbangan positif kepada masyarakat atau alam sekitar?
88. Adakah terdapat watak atau projek yang telah memperoleh pengiktirafan atau anugerah yang encik rasa sangat penting dalam mengukuhkan reputasi profesional encik? Apakah perasaan encik apabila kerja keras encik diiktiraf oleh industri?
89. Bagaimana encik menghargai kerjasama dengan rakan sekerja dan pasukan produksi dalam mencapai kejayaan projek lakonan? Adakah encik mempunyai pengalaman yang memberikan encik kepuasan kerana dapat bekerjasama dengan individu yang hebat?
90. Adakah encik pernah menerima sebarang komen positif atau pengakuan dari peminat atau penggemar yang membuat encik terasa bangga dengan sumbangan dan usaha anda dalam dunia lakonan?
91. Bagaimana encik berusaha untuk terus berkembang (bunyi kereta) sebagai pelakon dan mencapai sasaran yang lebih tinggi? Adakah encik mempunyai matlamat yang jelas yang ingin dicapai dalam kerjaya lakonan encik?
92. Adakah encik mempunyai sumbangan atau kerja sukarela dalam komuniti seni atau pendidikan lakonan yang memberikan peluang kepada bakat muda atau mereka yang memerlukan? Bagaimana encik melibatkan diri dalam usaha ini?
93. Apakah hasrat dan impian encik dalam kerjaya lakonan? Bagaimana encik berharap untuk memberi sumbangan yang lebih besar dalam industri ini dan mempengaruhi penonton dengan persembahan encik?

## BAHAGIAN 7: NASIHAT DAN HARAPAN UNTUK PELAKON

94. Berdasarkan pengalaman encik dalam industri lakonan, apa nasihat terbaik yang encik anda boleh berikan kepada bakat muda yang ingin mengejar kerjaya dalam bidang lakonan?
95. Bagaimana encik menghadapi cabaran dan rintangan dalam kerjaya lakonan? Apakah nasihat encik bagi pelakon yang menghadapi kegagalan atau ketidakpastian dalam industri ini?
96. Adakah terdapat nasihat penting yang anda peroleh dalam perjalanan kerjaya lakonan encik yang telah membantu encik tumbuh dan berkembang sebagai pelakon? Adakah encik ingin berkongsi nasihat tersebut kepada bakat-bakat lain?
97. Bagaimana encik mengekalkan semangat dan motivasi dalam industri yang kadang-kadang penuh dengan penolakan dan cabaran? Apakah teknik atau cara yang encik anda gunakan untuk mempertahankan semangat dan kegairahan encik sebagai pelakon?
98. Apakah harapan encik untuk industri lakonan pada masa depan? Adakah terdapat perubahan atau perkembangan tertentu yang encik harapkan akan terjadi, baik dalam proses kreatif atau isu-isu yang dihadapi oleh pelakon?
99. Bagaimana encik menguruskan peranan sebagai pelakon dengan kehidupan peribadi anda? Adakah terdapat nasihat atau pendekatan yang encik gunakan untuk mencapai keseimbangan antara kerjaya dan kehidupan peribadi yang memuaskan?
100. Apakah nasihat yang encik ingin berikan kepada pelakon yang ingin menjelajahi pelbagai genre atau jenis watak dalam kerjaya mereka? Bagaimana mereka dapat mengembangkan kepelbagaian dan fleksibiliti dalam lakonan?
101. Bagaimana pentingnya pendidikan lanjutan atau latihan dalam perkembangan seorang pelakon? Apakah nasihat encik bagi pelakon yang ingin terus memperbaiki kemahiran mereka dan mengembangkan rentetan kerjaya yang berjaya?
102. Apakah nasihat encik bagi pelakon yang berharap untuk menjalin kerjasama dengan pengarah atau pelakon terkenal dalam industri ini? Bagaimana mereka dapat memanfaatkan hubungan tersebut untuk memperluas rangkaian profesional mereka?
103. Soalan terakhir ialah, apakah harapan dan impian encik sendiri dalam kerjaya lakonan? Bagaimana encik berharap untuk terus berkembang sebagai pelakon dan apa yang anda ingin mencapai dalam jangka panjang?

# SURAT PERJANJIAN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya ......RAMLEE BIN AL SALLAM............ K/P:..... pada ...21 Jun 2023...dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Pengajian Sains Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh ( nterviewee).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
    a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

(Nama tokoh )
Tarikh:

(Nama Pensyarah: Nurulannisa Binti Abdullah)
b.p. Penolong Naib Canselor
Pengajian Sains Maklumat
Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Media
Universiti Teknologi MARA (UiTM)

# GAMBAR



Rajah 1: Penemu Bual Bersama Encik Ramlee



Rajah 2: Gambar Encik Ramlee



Rajah 3: Gambar Encik Ramlee Bersama Rakan Pelakon




Rajah 4: Gambar Encik Ramlee Bersama RTM



Rajah 5: Gambar Encik Ramlee Bersama Rakan Artis




Rajah 5: Gambar Encik Ramlee Menjadi Pengerusi Di Dalam Majlis Pertandingan Budaya



Rajah 5: Gambar Encik Ramlee Menjadi Pengacara Di Dalam Acara Pertandingan Seni Dikir Barat




Rajah 5: Gambar Encik Ramlee Membuat Persembahan Music Di Majlis Jaksa Pendamaian Kelantan



Rajah 5: Gambar Encik Ramlee Ketika Berlakon Di Dalam Cerita Pendekar Durian Lempuk




Rajah 5: Cerita Yang Dilakonkan Oleh Encik Ramlee




Rajah 6: Cerita Yang Dilakonkan Oleh Encik Ramlee




Rajah 7: Cerita Yang Dilakonkan Oleh Encik Ramlee

# INDEKS


A

Adakah, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 12, 13, 14, 15, 19, 20, 22, 24, 25, 26, 41, 42, 43, 44, 46, 47
Anak, 6, 20, 36
Anugerah, vii
Apabila, 13, 18, 23
Apakah, 4, 6, 7, 8, 10, 14, 15, 19, 20, 22, 24, 25, 28, 41, 42, 43, 44, 46, 47
Artis, xi, 23

B

Berapakah, 3, 8, 41, 42
Biasa, 20
Boleh, 7, 10, 42, 43, 46
Budaya, 28, 37, 56

C

Cabaran, 16, 17, 18, 45
Cerita, 10
Cikgu, 5, 33

D

Dalam, 19
Dia, 12
Disiplin, 24, 37
Drama, 14
Dulu, 5, 22

E

Encik, iv, xi, 2, 12, 29, 32, 49

F

Filem, 11

H

Hanya, 14, 27, 35, 36

I

Industri, 14, 17, 44, 45

K

Kadang-kadang, 21
Kajian, iv, vii, xi
Kami, ii, 2, 29, 38, 39, 40
Kelantan, iv, v, ix, xi, 2, 3, 4, 6, 14, 18, 20, 29, 32, 36, 37, 40, 41
Kerja, 33
Kerjaya, vii, ix
Kita, 10, 11, 13, 17

L

Lakonan, 15, 22

M

Malaysia, iv, v, ix, 5, 6, 7, 9, 11, 13, 20, 22, 25, 27, 32, 36, 38
Masa, 7, 16
Mengapa, 5, 12, 43
Mula, 9

P

Pakcik, 17
Pelakon, ix, 12, 26
Pelawak, 36
Pengalaman, vii, 33
Penggambaran, 55
Penyelidik, xi

S

Saya, 29
Sejarah, ii, 5, 33
Sekarang, 15, 29
Sekolah, ix, 5, 33
Selalu, 28, 37
Seni, 6, 20, 28, 36, 37
Skrip, 19

T

Tahun, ix, 10, 29, 41, 42
Teater, 20, 36
Tiada, 6, 7, 36
Tokoh, vii

U

Umur, ix, 2

W

Watak, 10, 18, 27, 34